KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)

MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH

IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN

MODUL

GENRE KESUSASTERAAN MELAYU DALAM BAHASA MELAYU

(BMM 3163)

INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,
BLOK 2200, PERSIARAN APEC,
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA

Berkuat kuasa pada Jun 2012
Edisi September 2014

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

Falsafah Pendidikan Guru

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Edisi September 2014
Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

MODUL PEMBELAJARAN INI DIEDARKAN UNTUK KEGUNAAN PELAJAR-PELAJAR YANG BERDAFTAR DENGAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI MENGIKUTI PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG) IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN.

MODUL PEMBELAJARAN INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT.

Edisi September 2014
Institut Pendidikan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

KANDUNGAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Falsafah Pendidikan Guru
Kandungan
Panduan Pelajar
Agihan Tajuk
Tajuk Pembelajaran

Tajuk 1: Sastera Dalam Pengisian Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah
Tajuk 2: Pendekatan Pemahaman Teks
Tajuk 3: Pendekatan Pemahaman Teks
Tajuk 4: Teknik dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran
Tajuk 5: Teknik dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran
Tajuk 6: Teknik dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran
Tajuk 7: Sastera Bandingan
Tajuk 8: Sastera Kanak-Kanak dan Remaja
Tajuk 9: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah
Tajuk 10: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah
Tajuk 11: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah
Tajuk 12: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah
Tajuk 13: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah
Tajuk 14: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah
Tajuk 15: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah

Rujukan
Panel Penulis Modul
Panel Pemurni Modul
Ikon Modul

PANDUAN PELAJAR

Modul ini disediakan untuk membantu anda mengurus pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah kendiri ini. Modul ini memberikan peluang kepada anda untuk mengurus corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

Pembelajaran arah kendiri memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran kendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baharu untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran kendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Ada antara latihan ini mempunyai cadangan jawapan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain, seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial.

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar anda akan tahu perkara yang harus dibuat. Lampiran A menerangkan kepada anda makna-makna ikon tersebut.

Anda juga perlu menduduki **peperiksaan bertulis** pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.
2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.
3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugasan tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.
4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.
5. Rujuk sumber-sumber lain yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.
6. Mulakan dengan sistem fail agar anda tahu tempat anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.
7. Cari kawan yang dapat membantu pembelanjaran anda.



Pengenalan

Kursus BMM3163 Genre Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu menghuraikan sastera dalam pengisian kurikulum bahasa Melayu sekolah rendah, pendekatan pemahaman teks sastera sekolah rendah, teknik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sastera, sastera bandingan, sastera kanak-kanak dan remaja dan apresiasi teks sastera sekolah rendah. (Sila rujuk - Agihan Tajuk).

Modul ini mengandungi enam tajuk seperti yang berikut:

Tajuk 1: Sastera Dalam Pengisian Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah.

Tajuk 2: Perbincangan mengenai Pendekatan Pemahaman Teks menggunakan Kaedah Struktural, Kaedah Berfokus, Kaedah Mengalami Menghayati dan Kaedah Global

Tajuk 3: Bahagian ini memfokuskan pelbagai teknik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran**.**

Tajuk 4: Membincangkan tentang konsep Sastera Bandingan secara umum. Perbincangan juga menyentuh mengenai unsur-unsur Interteks dan Parodi dalam Sastera Bandingan.

Tajuk 5: Bahagian ini mengkhusus tentang Sastera Kanak-kanak dan Remaja dari segi Latar Belakang. Karya dan Tokoh serta Sastera kanak-kanak dari Perspektif Pendidikan.

Tajuk 6: Bahagian ini memfokuskan Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah. Kandungan modul dimulai dengan perbincangan Struktur, Fungsi, dan Ciri Bahasa bagi genre Prosa dan Puisi Tradisional serta Prosa dan Puisi Moden

Modul ini juga disertakan aktiviti dan latihan untuk pengukuhan pembelajaran. Terdapat beberapa aktiviti dan latihan yang disediakan bagi setiap tajuk. Latihan ini harus disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Hasil kerja pelajar yang telah disiapkan hendaklah dihantar kepada pensyarah secara e-mel atau bersemuka. Sebagai memantapkan kefahaman setiap tajuk dalam kursus ini, pelajar dinasihatkan supaya membuat banyak rujukan dan

pembacaan. Pelajar juga digalakkan supaya menghubungi pensyarah untuk mendapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan topik-topik yang dipelajari.

Sepanjang mengikuti modul ini, para pelajar akan melaksanakan latihan dan aktiviti bagi setiap tajuk dan pada akhirnya pula para pelajar akan melaksanakan latihan dalam modul ini sebagai memenuhi aspek penilaian dalam proses melengkapkan modul akses kendiri ini.

AGIHAN TAJUK

Nama Kursus : Kesusasteraan Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu
Kod : BMM3163

Kandungan modul ini dibahagi kepada 15 tajuk/topik. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi pembelajaran melalui modul.

INTERAKSI	TAJUK / TOPIK	KANDUNGAN	JUMLAH JAM MENGIKUT PRO FORMA KURSUS
1	Tajuk 1: Sastera Dalam Pengisian Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah	✓ Unsur dan bahan sastera, kemahiran bahasa ✓ Ilmu, nilai, dan kewarganegaraan ✓ Peraturan sosio budaya dan kemahiran bernilai tambah	2
	Tajuk 2: Pendekatan Pemahaman Teks	✓ Kaedah Struktural ✓ Kaedah Mengalami Menghayati	
	Tajuk 3: Pendekatan Pemahaman Teks	✓ Kaedah Berfokus ✓ Kaedah Global	
2	Tajuk 4: Teknik dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	✓ Pantomim, Mestamu ✓ Deklamasi ✓ Khat	2
	Tajuk 5: Teknik dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	✓ Pemaduan Seni ✓ Adaptasi, Kerusi Panas ✓ Boneka	
	Tajuk 6: Teknik dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	✓ Teater Pembaca, ✓ Teater Bercerita ✓ Improvisasi ✓ Kemahiran Berfikir	

3	Tajuk 7: Sastera Bandingan	✓ Interteks, parodi ✓ Contoh hasil karya	2
	Tajuk 8: Sastera Kanak-Kanak dan Remaja	✓ Latar Belakang ✓ Karya dan Tokoh ✓ Sastera Kanak-Kanak dari Perspektif Pendidikan	
	Tajuk 9: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah	✓ Prosa Tradisional - Struktur - Fungsi - Ciri Bahasa	
4	Tajuk 10: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah	✓ Prosa Moden (Cerpen dan Novel)	2
	Tajuk 11: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah	✓ Prosa Moden (Drama) Struktur, Fungsi, Ciri Bahasa	
	Tajuk 12: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah	✓ Puisi Tradisional (Pantun dan Seloka) ✓ Struktur, Fungsi, Ciri Bahasa	
5	Tajuk 13: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah	✓ Puisi Tradisional (Syair dan Gurindam) - Struktur, Fungsi, Ciri Bahasa	2
	Tajuk 14: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah	✓ Puisi Tradisional (Lagu Rakyat) - Struktur, Fungsi, Ciri Bahasa	
	Tajuk 15: Apresiasi Teks Sastera Sekolah Rendah	✓ Puisi Moden (Sajak) - Struktur, Fungsi, Ciri Bahasa	
JUMLAH			**10**

TAJUK 1 SASTERA DALAM PENGISIAN KURIKULUM BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

1.1 Sinopsis

Tajuk ini menghuraikan konsep Sastera dalam Pengisian Kurikulum bahasa Melayu Sekolah Rendah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat, objektif dan organisasi kandungannya. Falsafah Pendidikan Negara dimanifestasikan dalam objektif dan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu turut dibincangkan melibatkan kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Aspek organisasi kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah, aspek kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa dan pengisian kurikulum juga dibincangkan.

1.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

i. Menghuraikan Kesusasteraan Melayu dalam falsafah, objektif dan organisasi kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah.
ii. Menganalisis Kesusasteraan Melayu dalam objektif sukatan pelajaran yang meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
iii. Menjelaskan Kesusasteraan Melayu dalam organisasi kandungan iaitu kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa dan pengisian kurikulum.

1.3 Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti yang berikut:

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek,

rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

Aktiviti 1

i. Apakah yang dimaksudkan dengan "insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani"?

ii. Bagaimanakah aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam Kesusasteraan Melayu diaplikasikan dalam Bahasa Melayu di sekolah rendah?

iii. Apakah unsur-unsur FPK yang mempunyai perkaitan dengan Kesusasteraan Melayu dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah?

iv

1.4 Sukatan Pelajaran

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah memberikan tumpuan kepada kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Sukatan Pelajaran ini memberikan pertimbangan kepada pelbagai gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid. Sukatan Pelajaran ini juga memberikan gambaran yang menyeluruh tentang kurikulum Bahasa Melayu. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah mengandungi matlamat, objektif, dan organisasi kandungan. Organisasi kandungan merangkumi kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum.

Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah menyediakan kandungan pengajaran dan pembelajaran bagi enam tahun persekolahan. Kandungan Sukatan

Pelajaran ini diperincikan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah bagi setiap tahun, iaitu daripada tahun satu hingga tahun enam.

1.4.1 Matlamat

Matlamat Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah adalah untuk melengkapkan mereka dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial, dan urusan harian.

Aktiviti 2

i. Bincangkan bagaimana keterampilan berbahasa dan berkomunikasi boleh direalisasikan dalam kalangan murid di sekolah. Tugasan anda boleh dibincangkan dalam kumpulan dan dibentangkan di hadapan kelas.

1.4.2 Objektif

Objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah seperti yang berikut:

i. mendengar dan memahami pengucapan dengan teliti serta menghayatinya dalam konteks perbualan harian dan situasi formal;

ii. bertutur dengan petah, menggunakan sebutan, dan intonasi yang betul dalam pelbagai situasi;

iii. berbincang dan berkongsi pendapat untuk menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan, dan membuat keputusan tentang sesuatu perkara;

iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bahan bukan sastera dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh ilmu dan memproses maklumat secara kritis;

v. memupuk minat membaca sebagai satu amalan ke arah membina budaya pembelajaran berterusan;

vi. memperkembang imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti bertutur, membaca, dan menulis;

vii. mengenali dan menghasilkan pelbagai penulisan jenis kreatif dan berunsur pengetahuan dengan menggunakan kemahiran menulis serta proses penulisan yang sesuai dan betul;


viii. menggunakan bahasa baku yang meliputi ejaan, tatabahasa, ejaan, kosa, serta sebutan dan intonasi yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis;

ix. menghargai dan menghayati keindahan bahasa melalui karya sastera dan karya bukan sastera; dan

x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan kewarganegaraan.

1.4.3 Organisasi Kandungan

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang digubal berfokuskan hasil pembelajaran ini, adalah berteraskan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Hasil pembelajaran juga menggabungkan peraturan dalam sistem bahasa dan disokong oleh elemen pengisian kurikulum.



Rajah 1: Organisasi Kandungan

a) Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan kemahiran menulis.

Kemahiran bahasa merupakan teras penguasaan bahasa baku.

i. Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

ii. Kemahiran Bertutur

Kemahiran bertutur merujuk keupayaan murid berbicara untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kritis dan kreatif dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada penggunaan pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang betul.

iii. Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik membaca. Di samping itu, murid berupaya untuk menghayati teks yang dibaca.

iv. Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi

yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas, cantik, dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan berunsur pengetahuan dan imaginatif.

Penguasaan kemahiran bahasa memerlukan kepelbagaian situasi dan konteks yang meliputi bahan prosa, puisi, dan grafik.

b) Hasil Pembelajaran


Hasil Pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum Bahasa Melayu bagi membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

HASIL PEMBELAJARAN

- ✓ Ditafsirkan daripada objektif kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah
- ✓ Petunjuk tentang kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid
- ✓ Membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran
- ✓ Dapat dicapai dengan menggabungjalinkan kemahiran bahasa, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum
- ✓ Membantu guru membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid

c) Sistem Bahasa


Sistem bahasa merujuk Bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa.



Rajah 2: Sistem Bahasa

d) Pengisian Kurikulum

Pengisian Kurikulum terdiri daripada elemen yang menggabungkan perkembangan terkini dalam pendidikan yang meliputi aspek ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah.



Rajah 3: Komponen Pengisian Kurikulum

i. Ilmu

Pengetahuan merangkumi pelbagai bidang ilmu. Contohnya, ilmu bidang sains, geografi, sejarah, dan lain-lain dapat digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Isu semasa juga boleh dimasukkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

ii. Nilai


Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Melalui nilai murni, akan membentuk generasi yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia.

iii. Kewarganegaraan

Unsur patriotisme dan kewarganegaraan yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air. Pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu terhadap bangsa dan negara.

iv. Kemahiran Bernilai Tambah


Kemahiran Bernilai Tambah mengutamakan pengalaman di dalam bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global.



Rajah 4: Komponen Kemahiran Bernilai Tambah

v. Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya yang dikemukakan dalam kurikulum Bahasa Melayu mengambil kira kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa yang diamalkan dalam masyarakat Melayu.



Rajah 5: Komponen Peraturan Sosiobudaya

Aktiviti 3

1. Huraikan perkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah.

2. Bina satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan sistem bahasa (gaya bahasa).

TAJUK 2 PENDEKATAN PEMAHAMAN TEKS

2.1 Sinopsis


Bahagian ini mengandungi konsep pendekatan, kaedah, dan teknik yang terkandung dalamnya. Untuk penjelasan konsep, definisi oleh tokoh-tokoh ilmuan pendidikan diperoleh daripada pelbagai sumber. Penjelasan Kaedah Struktural dan Kaedah Mengalami Menghayati berserta contoh turut dikemukakan.

2.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

i. menghuraikan konsep strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam P&P;
ii. menjelaskan Kaedah Struktural dan Kaedah Mengalami Menghayati untuk diaplikasikan dalam P&P.

2.3 KerangkaTajuk



Rajah 6: Kerangka Pendekatan Pemahaman Teks

2.4 Konsep Pendekatan, Strategi, Kaedah dan Teknik

i. Pendekatan

Pendekatan dalam pendidikan berkait dengan cara sesuatu pelajaran disampaikan melalui proses P&P untuk mencapai hasil pembelajaran dalam masa jangka panjang. Dalam pendekatan, kita akan memilih satu atau lebih model, prinsip dan teori pembelajaran supaya proses pembelajaran berlangsung dan ini memungkinkan kefahaman, penghayatan dan perubahan tingkah laku berlaku. Ini bermakna, untuk mencapai hasil pembelajaran jangka panjang, pelbagai strategi yang mengandungi kaedah, teknik dan aktiviti akan digunakan.

ii. Strategi

Strategi merujuk kepada perancangan tindakan yang menjurus kepada pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Rancangan tindakan ini mengandungi kaedah dan teknik mengajar. Dengan adanya perancangan strategi, kaedah dan teknik dapat diatur secara sistematik, pengagihan masa disusun dengan baik, penyediaan bahan dibuat mengikut kesesuaian dan kawalan kelas diuruskan dengan rapi. Strategi P&P mestilah berasaskan tiga unsur utama iaitu guru, murid dan bahan P&P. Oleh sebab itulah strategi dalam pendidikan dirujuk sebagai P&P berpusatkan murid, P&P berpusatkan guru dan P&P berpusatkan bahan.

iii. Kaedah

Kaedah pula lebih menekankan penyusunan langkah-langkah untuk menyampaikan P&P secara sistematik berlandaskan prinsip dan teori pembelajaran. Langkah-langkah P&P disusun rapi dan kesinambungannya diikuti dengan teliti supaya ada urutan terarah atau berfokus untuk menghasilkan proses P&P yang berkesan.

Mangantar Simanjuntak (1982: 72)

Kaedah berbentuk prosedur yang terdiri daripada langkah-langkah atau peringkat-peringkat yang teratur yang harus dituruti dengan saksama untuk mencapai tujuan tertentu

Brown 1980:240

"Methods, however are difficult to define. They manifest themselves in such varieties at time that the terms approach may be more accurately descriptive of these general moods. An approach is a general and theoretical view of how language ought to be taught, while a method includes a developed procedure for teaching."

Currie 1973

"Usually, method is classified by the way we try to achieve the aim, thus we hear of expository methods, heuristic methods, activity methods and the like. Method is thus the philosophy of our teaching task is a given subject in that it orientates us to the teaching. What we have described as teaching techniques are way in which, this philosophy is realised in actual class lessons."


iv. Teknik

Teknik merupakan aktiviti-aktiviti yang diatur dalam kaedah dan strategi P&P atau cara sesuatu pengajaran yang ingin disampaikan kepada pelajar. Aktiviti-aktiviti yang sesuai dan menarik dirancang dalam bentuk perlakuan dan kemahiran yang ingin diperolehi dan dicapai oleh murid. Kemahiran guru dalam mengelola aktiviti semasa P&P berlangsung akan menggalakkan penglibatan murid secara aktif dalam kelas dan pembelajaran memberangsangkan, bermakna dan menceriakan.

Aktiviti 1:

Daripada definisi dan huraian yang dinyatakan, anda dikehendaki merumuskan konsep pendekatan, strategi, kaedah dan teknik dalam pengajaran menggunakan bahan sastera.

2.5 Kaedah Struktural



Rajah 1: Kaedah Struktural

Kaedah ini berdasarkan pendapat analisis teori struktural kritikan sastera yang merupakan kaedah paling awal. Pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk memahami aspek-aspek kesusasteraan, struktur dan binaannya. Kaedah ini tidak mementingkan penghayatan atau penikmatan

sastera. Karya sastera dianalisis dari sudut pembinaan atau strukturnya. Aspek-aspek struktur yang dikaji seperti yang berikut:

- tema
- persoalan
- latar
- plot
- sudut pandangan
- watak perwatakan
- gaya bahasa
- simbol / lambang
- bentuk

Perhubungan antara elemen-elemen ini yang membendung struktur sesebuah karya itu, di samping mempunyai fungsinya yang tersendiri. Kaedah induktif sesuai digunakan bagi mengkaji elemen di atas. Bagi pelajar karya sastera adalah sebagai buah fikiran pengarang, renungan ke dalam diri, imaginasi, emosi, penerapan pengetahuan, manipulasi dan pengalaman kerohanian. Kaedah ini membuat penyorotan terperinci terhadap komponen-komponen di atas.

Kaedah ini dianggap memudahkan pelajar mengkaji unsur estetika, artistik dan keunikan sastera dengan mengambil kira aspek intrinsiknya. Contoh-contoh konkrit digunakan untuk memudahkan pemahaman pelajar terhadap sastera. Perhubungan antara elemen dipertontonkan secara langsung dalam karya yang menunjukkan unsur-unsur ini saling berkait dan akhirnya terhasil karya yang padu.

Ada dua konsep penganalisisan sastera secara struktural iaitu:

- Memahami perhubungan elemen dalam sesebuah karya. Perhubungan elemen ini akan dapat dikesan apabila analisis struktur dilakukan terhadap karya-karya kesusasteraan.
- Sastera ada kedudukan tersendiri. Ia bebas tanpa ada perhubungan dengan pembaca.

Falsafah di sebalik pendapat ini ialah sesuatu itu wujud bebas bersendirian. Sifatnya dapat ditemui melalui analisis secara rasional. Manusia itu pula adalah makhluk yang aktif.

2.5.1 Ciri-Ciri Kaedah Struktural

- Ia merupakan perhubungan antara struktur-struktur kesusasteraan seperti tema, plot, watak perwatakan, latar teknik, gaya bahasa, sudut pandangan dan sebagainya yang membentuk keseluruhan karya.
- Dalam PdP sastera, pemahaman terhadap setiap elemen struktur dan perhubungannya hendaklah diberikan perhatian.
- Kaedah ini menggunakan pendekatan induktif. Para pelajar dibimbing mencari dan menemui objektif tertentu elemen struktur. Kaedah ini memerlukan guru yang mahir dan tahu secara mendalam perhubungan elemen struktur tersebut.
- Objektif tertentu elemem struktur sahaja yang diutamakan tanpa mengambil kira aspek-aspek lain.
- Unsur-unsur struktur diperkenalkan terlebih dahulu sebelum pengajaran dimulakan dan kemudian setiap unsur itu dijelaskan secara terperinci.
- Pembelajaran lebih banyak dipandu oleh guru. Walaupun pelajar dibenarkan membincangkan sesuatu isu tentang elemen struktur, tetapi perbincangan itu tidak boleh keluar daripada acuan yang telah ditetapkan oleh guru.
- Bahan bantu mengajar (BBM) tidak dipentingkan, tetapi kefahaman elemen struktur sahaja dan ini memadai dengan penerangan dan perbincangan ringkas sahaja.
- Kaedah ini sesuai di peringkat tinggi sahaja.

2.6 Kaedah Mengalami Menghayati

Kaedah ini dikemukakan oleh Googman (1962) supaya sesuatu pengalaman itu dikaji mengikut apa yang ditanggapi oleh pembaca itu sendiri. Individu itu ada pengalaman tersendiri. Ada hasil daripada pengalaman yang dilalui dan ada nilai pengalaman itu sendiri. Tekankan apa yang dialami oleh pembaca dan sejauh


mana pembaca dapat menghayati rakaman penulis melalui bahasa yang disampaikan.

Kaedah ini lebih menekankan penikmatan. Aspek sastera yang dikaji perlu dirasai dan dihayati sepenuhnya. Guru menggunakan semua himpunan pengalaman pelajar bagi mendapat sesuatu pengalaman baru. Pelajar biasanya didedahkan dengan beberapa persoalan di dalam sesuatu aspek yang dikaji. Persoalan diinterpretasi sehingga ia benar-benar dapat dirasakan.

Pengajaran tidak ditumpukan kepada objektif tertentu tetapi lebih kepada mencungkil pengalaman pelajar. Guru perlu cekap menarik perhatian dan menarik minat pelajar kepada cerita yang dikemukakan. BBM penting bagi menyuburkan imaginasi pelajar. Perlu dilatih berfikiran kritis dan kreatif – memberi pendapat, pertimbangan wajar, penilaian, kritikan dan sebagainya.

Pelajar boleh membuat simulasi sendiri supaya wujud kefahaman mendalam. Kajian intrinsik – kerohanian, jiwa, nilai, hati nurani, kemanusiaan dan kemasyarakatan, semangat, sifat keperwiraan, perasaan seni halus akan menusuk ke jiwa pelajar. Kaedah ini boleh memberikan kepuasan dan meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa pelajar. Pelajar menggunakan pengalaman masing-masing dalam menghadapi dan menanggapi karya sastera.

2.6.1 Pelaksanaan Kaedah Mengalami Menghayati



Rajah 2: Kaedah Mengalami Menghayati

2.6.2 Ciri-ciri Kaedah Mengalami Menghayati

- Setiap individu ada pengalaman tersendiri hasil daripada pengalaman lalu dan nilai warisan. Pengalaman dan penghayatan pelajar diutamakan.
- Guru membimbing pelajar dan mendapatkan emosi dan pengalaman daripada karya.
- Objektif terakhir pengajaran kesusasteraan ialah penikmatan dan penghayatan. Analisis pengalaman pelajar sangat penting. BBM dan teknik menyoal akan membantu guru bagi mencapai objektif pengajaran.
- Pelajar perlu diberikan peluang membaca karya-karya kesusasteraan dahulu dalam masa tertentu untuk memperoleh kesan keseluruhan penghayatan. Elemen-elemen struktur akan disentuh secara tidak langsung dalam perbincangan tentang keindahan karya.
- Para pelajar juga dilatih menggunakan fikiran dengan kritis dan kreatif. Ini dicapai melalui teknik menyoal yang sistematik – soalan mencungkil pandangan, pendapat, pertimbangan dan penilaian para pelajar. Jawapan guna daya kreatif dan imaginasi masing-masing.
- Aktiviti-aktiviti pelajar bersama-sama bimbingan guru amat dipentingkan. Para pelajar digalakkan melakonkan episod-episod sendiri dan membincangkan persoalan-persoalan tertentu yang wujud dalam fikiran masing- masing tanpa ditetapkan acuannya terlebih dahulu oleh guru. Dalam hal ini teknik perbengkelan amat sesuai digunakan. Ini akan menentukan penglibatan para pelajar secara menyeluruh.
- BBM amat penting dalam mewujudkan penikmatan dan penghayatan. Antara alat-alat yang sesuai ialah pita rakaman, gambar-gambar, kostum serta objek sebenar tentang sesuatu perkara.

- Pendekatan ini membantu guru mewujudkan sebuah kelas yang aktif dan hidup. Para pelajar juga dapat membina kemahiran menganalisis melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Aktiviti 2 

Anda dikehendaki menjelaskan Kaedah Struktur dan Kaedah Mengalami Menghayati dan memberikan contoh-contoh dalam karya sastera yang anda kaji.

TAJUK 3 PENDEKATAN PEMAHAMAN TEKS

3.1 Sinopsis


Bahagian ini mengandungi konsep kaedah berfokus dan kaedah global. Penjelasan Kaedah Berfokus berserta contoh perancangan pengajaran dan pembelajaran turut dikemukakan.

3.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir modul ini, anda akan dapat:

i. Menghuraikan konsep kaedah berfokus dan kaedah global.
ii. Menjelaskan contoh perancangan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu untuk diaplikasikan dalam P&P.

3.3 KerangkaTajuk




3.4 Kaedah Berfokus


Diperkenalkan pada 1984 – Unit Bahasa Melayu, Pusat Perkembangan Kurikulum. Kaedah ini menitikberatkan kandungan dan isi pelajaran. Kaedah ini mengandungi dua tumpuan:


- Tumpuan utama – FOKUS UTAMA
- Tumpuan kedua - FOKUS SAMPINGAN


Fokus sampingan mungkin lebih daripada satu. Tugas fokus sampingan untuk membantu dan memperkukuh fokus utama.



nota kuliah czq/jk/ipg:kbm


NK- Nilai Kemanusiaan
FOKUS
MPINGAN
(B)
•Bahasa
FOKUS
UTAMA
(NK)
•Kemasyarakatan
•Kebudayaan
FOKUS
MPINGAN
(I)
•Isi
Model 3


FOKUS
MPINGAN
(NK)
•Nilai
Kemanusiaan
FOKUS
UTAMA
(B)
•Bahasa
FOKUS
MPINGAN
(I)
•Isi
Model 4



nota kuliah czo/jk/ipg:kbm

Fokus utama – perkara yang paling menonjol dalam sesuatu hasil karya perlu diberikan penekanan utama, manakala perkara lain yang kurang menonjol sebagai perkara sampingan. Fokus utama dan fokus sampingan boleh bertukar ganti – fokus utama jadi fokus kedua, fokus sampingan menjadi fokus utama. Bergantung kepada kreativiti guru – aspek yang hendak difokuskan sama ada isi, bahasa, unsur moral, nilai murni, kemasyarakatan, gaya bahasa dan sebagainya. Dalam fokus utama ada objektif pengajaran.

Model 1 dan 3 dipetik daripada Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4. Enam Kaedah Berfokus/Pendekatan Berfokus. Langkah pembelajarannya lebih kemas dan sistematik. Contoh: Model 1 (120 minit)

Bahasa - Fokus Utama = 80 minit

Isi - Fokus Kedua = 40 minit

Perhatikan contoh Perancangan Pengajaran dan Pembelajarannya.

Contoh Perancangan MODEL 1


TOPIK	KAEDAH/ LANGKAH PENYAMPAIAN	FOKUS	MASA BBM
PUISI	▪ 1.1 Guru meminta pelajar melafazkan puisi yang mereka tahu yang pernah dipelajari.	Bahasa	5 minit 10 minit
	▪1.2 Guru mengedarkan petikan puisi yang hendak dipelajari. Baca dan teliti keseluruhannya.	Bahasa	Nota Edaran 10 minit
	▪1.3 Guru memperkenalkan kepada pelajar puisi bebas atau terikat. Sifat-sifat puisi bebas/ terikat.	Bahasa	Transparensi 25 minit
	▪1.4 Guru mengemukakan soalan-soalan yang boleh membantu pelajar mengenal bentuk dan bahasa puisi.	Bahasa	Nota Edaran LCD-Komputer CD Guru
	▪1.5 Guru berbincang sambil mengemukakan soalan mengenai perbezaan bahasa puisi lama dan puisi baharu. Puisi – edaran yang dikemukakan.	Bahasa	30 minit N.Edaran LCD/Komputer CD Guru
	▪1.6 Meminta pelajar mencatat idea dan isi-isi utama di dalam puisi yang dipelajari.	Isi-isi	Kertas Catatan Transparensi
	▪1.7 Pelajar menulis maksud puisi yang dipelajari mengikut pendapat mereka.	Isi-isi	Buku Tulis
	7 Langkah P&P	Bahasa – 5 Isi-isi - 2	120 minit

Contoh Perancangan MODEL 3

TOPIK	KAEDAH/ LANGKAH PENYAMPAIAN	FOKUS	MASA/ BBM
PUISI	▪ 1.1 Guru mengedarkan bahan bercetak yang mengandungi puisi yang hendak dipelajari dan memperdengarkan bacaan puisi tersebut melalui pita rakaman. Kefahaman diutamakan. ▪1.2 Guru meminta pelajar membaca kuat puisi tersebut – pilih beberapa orang pelajar. ▪1.3 Guru meminta pelajar membaca semula puisi tersebut secara senyap dan memahamkan isi-isinya yang begitu menonjol. ▪1.4 Guru mengemukakan soalan-soalan yang boleh membantu pelajar memahami unsur-unsur pengajaran yang ada kaitannya dengan nilai-nilai yang hendak diajar. ▪ 1.5 Guru berbincang dengan pelajar maksud baris-baris ungkapan, ayat-ayat yang mengandungi nilai-nilai kemanusiaan. ▪1.6 Berbincang tentang bahasa puisi tersebut terutamanya dari segi keindahan dan kehalusan maksud. ▪1.7 Meminta pelajar mencatat nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam satu-satu rangkap. ▪1.8 Pelajar diminta membentangkan keseluruhan kandungan (isi) sajak tersebut. 8 langkah P dan P	Isi Bahasa Nilai kemasyarakatan Nilai kemasyarakatan Nilai kemasyarakatan Nilai kemasyarakatan Nilai kemasyarakatan Isi-isi Nilai –5 Isi-2 Bahasa-1	5 minit Pita rakaman Edaran/ Transparensi 10 minit Nota Edaran 10 minit Nota Edaran 25 minit Nota Edaran LCD-Komputer CD Guru 15 minit N.Edaran 15 minit N.Edaran Kertas Catatan Transparensi Buku Tulis 120 minit

nota kuliah czo/jk/ipg:kbm

Kesimpulan Model 3



nota kuliah czo/jk/ipg:kbm

Aktiviti: 

Berdasarkan buku-buku sastera yang digunakan oleh anda di sekolah sekarang, dalam kumpulan, anda dikehendaki membuat satu simulasi pengajaran sastera yang menggunakan kaedah:

- Struktural
- Mengalami Menghayati
- Berfokus (FU- FS)

Rancangan mengajar perlu disediakan BBM-Masa- Pedagogi-Latihan

Tugasan:

- Tugasan dalam kumpulan – 5 orang satu kumpulan
- Lantik Pengerusi, Pencatat dan Pembentang tugasan
- Sediakan *powerpoint.*
- Masa pembentangan – 10 minit bagi setiap kumpulan
- Soal jawab sekadar 5 minit boleh diadakan selepas pembentangan kumpulan.
- Kumpulan yang tidak mengemukakan soalan untuk bersoal jawab – kadar markahnya setakat lulus sahaja.

3.5 Kaedah Global

Kaedah Global ialah kaedah yang meneliti karya secara meluas. Kaedah ini tidak memberi penekatan terperinci terhadap struktur-struktur dalam karya. Kaedah Global berdasarkan tanggapan yang menyeluruh. Kaedah Global berdasarkan andaian bahawa karya sastera ialah hasil kesatuan daripada pelbagai elemen. Kamarudin (1988) menyatakan bahawa cara ini dianggap lebih praktikal dan

logik bagi penilai yang kesuntukan masa atau berhadapan dengan terlalu banyak komponen yang akan dibincangkan. Kaedah Global berdasarkan andaian bahawa karya satsera ialah hasil kesatuan daripada pelbagai elemen.

3.5.1 Ciri-ciri Kaedah Global

1. Setiap komponen dalam karya adalah penting kerana saling bekerjasama dan membentuk kesatuan karya.
2. Penilaian dilakukan secara *impression*, am dan spontan. Penilaian secara subjektif.

Kaedah global terbahagi kepada dua cara semasa menilai karya:

1. Separuh global dilakukan dengan melihat aspek itu secara keseluruhan terlebih dahulu kemudian terus menjurus kepada bahagian yang hendak dibicarakan secara terperinci.
2. Secara global (menyeluruh). Melalui cara ini, karya dianalisis dengan melihat dan menilai aspek yang membangunkan karya tersebut secara keseluruhan.

3.5.2 Pelaksanaan Kaedah Global

i. Analisis separuh global – melihat secara keseluruhan sebelum meneliti elemen-elemen yang lebih spesifik. Contohnya novel Konserto Terakhir. Peringkat permulaan ialah pengenalan watak Hilmi. Peringkat perkembangan kisah suka duka hidup Hilmi. Peringkat akhir mengisahkan Hilmi meninggal dunia dan ayahnya mendapat tahu bahawa Hilmi anaknya.

ii. Analisis secara global atau melihat karya secara menyeluruh. Penelitian terhadap aspek-aspek yang membangunkan karya. Analisis karya pada tema, persoalan, watak dan perwatakan, sudut pandangan dan seumpamanya. Ulasan dibuat daripada aspek kekuatan dan kelemahan sesebuah karya.

3.5.3 Kelebihan Kaedah Global

1. Penilaian secara menyeluruh dan dapat menyentuh semua struktur atau aspek yang membina karya.

2. Penguasaan murid terhadap karya lebih baik dan mantap.
3. Pelajar melihat karya sastera sebagai satu penghasilan buah fikiran, renungan ke dalam diri, imaginasi, emosi, manipulasi, penerapan pengetahuan, dan pelbagai pengalaman dan kerohanian. (Kamarudin, 1988).
4. Menjimatkan masa dan lebih praktikal.

   Kaedah Global ditakrifkan sebagai kaedah mudah, seperti simulasi khasnya berdrama. Kaedah ini mestilah bersesuaian dengan tahap keupayaan murid dan situasi murid kerana meliputi kepandaian dan kesesuaian tatacara kehidupan (permainan) kanak-kanak. Lazimnya kaedah ini dilakukan secara bebas.

TAJUK 4	TEKNIK DAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

4.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi konsep pendekatan, kaedah, dan teknik yang terkandung dalamnya. Untuk penjelasan konsep, definisi oleh tokoh-tokoh ilmuan pendidikan diperoleh daripada pelbagai sumber. Penjelasan Kaedah Struktural dan Kaedah Mengalami Menghayati berserta contoh turut dikemukakan.

4.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir modul ini, anda akan dapat:

i. Menghuraikan konsep strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam P&P;

ii. Menjelaskan Kaedah Struktural dan Kaedah Mengalami Menghayati untuk diaplikasikan dalam P&P.

4.3 Pantomim

Teknik melakonkan sesuatu cerita dengan penuh ekspresi tanpa suara untuk menyampaikan sesuatu mesej. Skrip tidak dilafazkan oleh pelakon tetapi dirakamkan atau dibaca oleh pelajar lain semasa aksi dilakonkan. Pelakon dan pembaca skrip mesti sama-sama menghayati skrip tersebut.

4.4 Mestamu

Mestamu bermaksud melagukan puisi tanpa muzik. Boleh dilakukan secara berpasangan atau persendirian. Jika lebih daripada seorang – satu orang mendeklamasikan puisi, manakala yang lain melagukan puisi tersebut beramai-ramai. Nyanyian lagu puisi diadaptasikan daripada lagu-lagu yang ada di pasaran atau lagu ciptaan sendiri.

Contoh: Sajak Anak Laut- *Rahimidin Zahari.*

(Rujuk sajak Anak Laut- *Rahimidin Zahari* dalam buku Antologi Anak Laut Tingkatan 4)

4.5 Deklamasi

Deklamasi berbeza dengan membaca. Teknik deklamasi satu proses atau cara lebih terancang dan disampaikan dengan penuh perasaan dan penghayatan. Ia disampaikan dalam pelbagai gaya seperti bersahaja, artistik, berlagu dan sebagainya. Ia dapat menimbulkan makna atau maksud yang tersembunyi.

4.6 Kaligrafi

Kaligrafi (seni rupa) berasal daripada kata `kallosgraphein` (Yunani). Kallos (indah), 'graphein' (menulis). Oleh itu, kaligrafi bermaksud menulis indah atau seni tulis indah. Dalam bahasa Arab (Khat), bahasa Sanskrit (*Panisastra*) dan bahasa Belanda (*schrijftkunst*).

Kaligrafi ialah seni aksara atau huruf yang ditulis dengan tangan dengan menggunakan pena kaligrafi, berus, buluh atau seumpamanya.

Aspek-aspek penting dalam penulisan kaligrafi ialah;

- Kedudukan badan dan cara memegang pen.
- Cara menulis (mendatar, menegak, miring, condong, melengkung atau membulat).
- Bentuk dan ukuran huruf (italik, roman dsb)
- Teknik menulis perkataan, ayat, petikan dialog, sajak dan sebagainya dalam bentuk huruf yang berseni.

Fungsi Kaligrafi

a. Penggunaan kaligrafi dapat menarik minat pelajar.
b. Membantu pelajar-pelajar menghayati teks.
c. Membantu pelajar memahami teks.
e. Mempelbagaikan aktiviti pengajaran pembelajaran yang menarik.
f. Menggalakkan daya kreativiti pelajar untuk menghasilkan karya sastera.

TAJUK 5	TEKNIK DAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

5.1 Sinopsis

Tajuk ini membincangkan teknik pemaduan seni, adaptasi, kerusi panas dan boneka serta pelaksanaan teknik berkenaan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat dijadikan panduan oleh guru.

5.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

i. membezakan konsep dan pelaksanaan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran.

ii. menghuraikan kekuatan setiap teknik dengan bukti yang kukuh.

5.3 Pemaduan Seni

Seni rupa amat luas yang mengekspresi getaran jiwa, emosi, fikiran dan kewujudan garis, bentuk, warna, dan benda-benda yang dapat diamati melalui penglihatan.

Jenis seni rupa terdiri daripada seni-seni lukis, patung, karya, gambar, topeng, boneka, design 2/3 dimensi, kaligrafi dan lain-lain.

Jenis-jenis seni rupa tersebut berhubung rapat dengan karya sastera kerana digambarkan melalui lakaran, ukiran, lukisan, tulisan dan sebagainya,

Langkah Pelaksanaan:

- Tentukan tujuan / objektif yang hendak dicapai.
- Pengurusan alat yang digunakan dalam pengajaran pembelajaran.
- Corak kegiatan belajar dengan pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan.
- Susun atur langkah-langkah dan kegiatan pengajaran pembelajaran.

Contoh:

i. Mendengar lagu, Makan Sirih
ii. Menerangkan tentang musik dan perkaitannya dengan kehidupan manusia:
Bentuk muzik,
Cabang muzik,
Muzik dalam pengajaran,
iii. Mengedarkan seni kata lagu,
iv. Mencipta pantun untuk mengisi chorus lagu.
v. Minta pelajar memahami mod puisi yang dibaca.
vi. Minta seorang pelajar mendeklamasikan puisi tersebut.
vii. Semasa sajak didekalamsikan, minta pelajar lain melukis maksud sajak mengikut kefahaman mereka.
viii. Hasil lukisan itu dibentangkan di hadapan kelas.
ix. Guru merumus / memberikan komen terhadap hasil lukisan tersebut.

5.4 Adaptasi

Murid mencipta karya dalam bentuk genre lain berdasarkan sesuatu genre. Misalnya menulis pantun atau syair berdasarkan cerpen, menulis skrip drama dan lain-lain dapat meningkatkan kreativiti murid.

Contoh:


Adaptasi menulis pantun dan syair berdasarkan cerpen ‘Budi yang Tak Terbeli’.

Di dahan rendah tempua bersarang,
Ranting patah jatuh ke tanah;
Ibu tunggal anak seorang,
Wanita tabah bernama Jemah.

Pohon rendang di kiri jalan,
Tempat bermain si burung pekaka;
Berjimat cermat jadi amalan,
Tanah dibeli jadi pusaka.

Undan terbang rendah sangat,
Terbang rendah mencari ikan;
Hidup susah bermandi keringat,
Namun kehidupan tetap diteruskan.

Buah langsat si buah berangan,
Mari dimakan si anak rusa;
Biar hidup serba kekurangan,
Tapi kaya budi bahasa.



5.5 Kerusi Panas

Kerusi panas satu teknik dalam latihan asas penghayatan watak dan perwatakan. Pelakon akan diberikan satu peranan dan ia akan cuba mengimaginasikan gaya atau aksi watak. Dalam semua aspek- cara bercakap, berjalan, pemikiran dan lain-lain. Mengenal pasti perwatakan. Pelajar diminta memainkan peranan watak di dalam satu-satu novel atau cerpen yang dibaca.

Pelajar yang terpilih dikehendaki duduk di atas kerusi di hadapan kelas menghadap pelajar-
pelajar lain. Pelajar mengemukakan soalan kepada watak utama dan ia menjawab soalan itu. Akhirnya guru merumuskan peranan watak.

5.5.1 Pelaksanaan Kerusi Panas

- Seorang murid dikehendaki memegang peranan sebagai satu-satu watak.
- Murid lain mengajukan pelbagai soalan berkaitan dengan perwatakan watak berkenaan.
- Murid yang dipilih menduduki kerusi panas perlu mempertahankan dan menjawab setiap pertanyaan yang diajukan.
- Murid yang lain mencatat maklumat dalam borang LPG yang disediakan oleh guru.

M

X X X X X X X X X
X X X X X X X X X
X X X X X X X X X
X X X X X X X X X
X X X X X X X X X

M : Murid yang mengambil bahagian duduk di kerusi di hadapan kelas.

Rajah: Teknik Kerusi Panas.

5.6 Boneka

Teknik Boneka dikenali juga sebagai teknik patung atau ”puppet”. Teknik ini antara teknik yang sangat digemari oleh kanak-kanak kerana pergerakan boneka dan dialog dalam lakonan boneka ini sangat menarik dan menghiburkan. Ada kanak-kanak berkeperluan khas yang pendiam tetapi akhirnya mahu bercakap

setelah gurunya menggunakan boneka untuk bercakap dengannya dan dia juga menggunakan boneka untuk menjawab soalan guru tadi. Guru boleh menyediakan berbagai-bagai jenis boneka seperti boneka kayu, boneka sarung tangan, boneka tali, boneka lidi dan sebagainya. Namun, boneka yang dibuat oleh murid sendiri adalah lebih bermakna kepada mereka. Bagi mencapai objektif pengajaran lisan, guru hendaklah memberi peluang muridnya bercakap atau berlakon dengan menggunakan boneka sesama mereka.




PENTAS BONEKA
KEMBALI
MENU

TAJUK 6	TEKNIK DAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

6.1 Sinopsis

Tajuk ini membincangkan teknik teater pembaca, teater bercerita, improvisasi, kemahiran berfikir serta pelaksanaan teknik berkenaan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat dijadikan panduan oleh guru.

6.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

i. Membezakan konsep dan pelaksanaan teknik teater pembaca dengan teater bercerita.

ii. Merancang pelaksaan teknik improvisasi dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kemahiran bahasa.

6.3 Teater Pembaca

Melibatkan beberapa orang murid sebagai pembaca skrip sesebuah cerita di hadapan kelas. Mengutamakan penggunaan; suara, sebutan, gerak badan dan mimik muka saja. Teknik ini membantu penonton (murid) memahami, menghayati dan merasakan cerita itu seolah-olah sedang berlaku di hadapan mereka. Pelajar lain akan mencatat maklumat.

6.4 Teater Bercerita

Melibatkan seorang pencerita dan digabung dengan beberapa orang pelakon. Pencerita akan menyampaikan cerita. Para pelakon beraksi mengikut watak dan perwatakan dalam cerita tersebut. Guru menyediakan skrip terlebih dulu. Pelajar lain boleh mencatat maklumat.

6.5 Improvisasi


Lakonan spontan tentang satu kejadian, peristiwa, atau situasi yang sebenar dalam kehidupan seharian. Dijalankan dalam kumpulan kecil (2 - 5 orang). Diberi masa 10 - 15 minit untuk berfikir dan menyusun dialog untuk dilahirkan secara spontan.


6.6 Kemahiran Berfikir


Dr. Edward de Bono – Cort Thinking Programme". Sesuai untuk PdP. Melahirkan pelajar berfkir bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Sesuai juga untuk sastera. Guru perlu benar-benar mahir dengan elemen berfikir.

Ada pelbagai kaedah (PMI –Plus,Minus,Intresting)

- Kaedah APC –Alternatives, Possibilities, Choice)
- Kaedah CAF- Consider All Factors)
- Kaedah C&S – Consequences and Sequels
- Kaedah OPV – Other People's View dan sebagainya. Ada 56 jenis kemahiran berfikir.




Alternatives
APV
Possibilities
Choice
Alternatives, Possibilities, Choice
21


C
• CONSIDER
A
• ALL
F
• FACTORS
•Kaedah CAF- Consider All Factors)
22


S • STRENGTH
W • WEAKNESS
O • OPPORTUNITY
T • THREAT
• Kekuatan, Kelemahan, Peluang(Kesempatan), Ancaman/Peringatan
23

TAJUK 7	SASTERA BANDINGAN

7.1 Sinopsis


Bahagian ini mengandungi penjelasan tentang Kesusasteraan Bandingan suatu pengenalan ringkas, asal-usul dan perkembangan kesusasteraan bandingan, kaedah dan pendekatan dalam kesusasteraan bandingan, unsur interteks dan parodi.

7.2 Hasil Pembelajaran

i. Memberikan pengenalan ringkas tentang Kesusasteraan Bandingan;

ii. Membincangkan hasil karya parodi dalam sastera bandingan.

7.3 KerangkaTajuk



7.4 Kesusasteraan Bandingan

Sastera Bandingan ialah disiplin kajian yang merangkumkan teori kritikan, sejarah kritikan dan pendekatan kritikan. Menurut Bassnett (1993:12), nama sastera bandingan berasal daripada suatu seni antologi Perancis yang terbit pada tahun 1816 dengan judul *Cours de Litterature Comparee.* Istilah dalam versi Jerman ialah *Vergleichende Literaturgeschichte* yang muncul pertama kali dalam buku karangan Moriz Carriere pada tahun 1854 manakala dalam bahasa Inggeris diperkenalkan oleh Matthew Arnold pada tahun 1848. Disiplin sastera bandingan bermula di Perancis pada tahun 1829 ketika Vellemain memperkatakan buku *Anatomei comparee* (1800) karya Cuvier. Tradisi ini

disambung pula di England pada tahun 1849 oleh Matthew Arnold. Selepas itu penggunaannya semakin meluas ke Jerman dan Amerika Syarikat sehingga terbit dua mazhab yang kini dikenal sebagai mazhab Perancis dan mazhab Amerika.

Kesusasteraan Bandingan merupakan satu cabang ilmu kesusasteraan moden yang lahir pada kurun ke-19 di bawah pengawasan sarjana Perancis bernama Phillman dan Prontel. Para sarjana berselisih pandangan tentang tahun kemunculan ilmu Sastera Bandingan. Sastera Bandingan dikatakan mula membanjiri dunia sastera moden seawal tahun 1827 (atau 1830 atau 1840 bersandarkan pendapat lain) di Paris, Perancis. Cabang kesusasteraan moden ini terhasil menerusi pengkajian mereka terhadap pengaruh kesusasteraan Yunani dan Latin dalam kesusasteraan mereka. Sasterawan Perancis berpendapat bahawa Sastera Bandingan tidak dapat dipisahkan daripada pengaruhnya terhadap sastera yang dibandingkan.

Konsep dasar Mazhab Perancis mentakrifkan sastera bandingan sebagai ilmu bandingan antara dua atau lebih daripada dua kesusasteraan. Seterusnya kajian diperluas kepada perbandingan bahan-bahan sastera dengan psikologi, sosiologi, seni lukis, falsafah dan sebagainya. Bahagian kedua ini yang lebih diberikan keutamaan di Perancis. Mazhab Amerika juga menggalakkan pengkaji sastera bandingan menggunakan cara kedua.

Di Perancis, sastera bandingan dipelopori oleh Fernand Baldensperger, Jean-Marir Carre, Paul van Tieghem, dan Marius-Francois Guyard. Sastera bandingan kemudian menjadi dua aliran, iaitu aliran Perancis dan aliran Amerika. Aliran Perancis disebut aliran lama sedangkan aliran Amerika dinamakan aliran baharu. Aliran Perancis menekankan perbandingan karya sastra dari negara yang berbeza manakala aliran Amerika membandingkan dua karya sasetra yang berbeda dan membandingkan karya sastera dengan bidang ilmu dan seni tertentu.

Menurut Wellek dan Warren (1989:40), istilah sastera bandingan pertama dipakai untuk kajian sastera lisan, cerita rakyat dan migrasinya, cara dan masa cerita rakyat masuk ke dalam penulisan sastera yang lebih artistik. Istilah sastera

bandingan dalam hal ini mencakup kajian hubungan antara dua kesusasteraan atau lebih. Hutomo (1993:15) mendefinisikan sastera bandingan sebagai disiplin ilmu yang mencakup tiga hal.

1. Sastera bandingan lama - sastera bandingan berkenaan teks/penulisan yang lazimnya ditangani oleh ilmu Filologi.
2. Sastera bandingan lisan - sastera bandingan berkenaan teks-teks lisan yang disampaikan dari mulut ke mulut, dari satu generasi ke generasi dan dari satu tempat ke tempat lain. Teks lisan ini berupa tradisi lisan tetapi dapat diungkapkan dalam sastera lisan (tradisi lisan yang berseni).
3. Sastera bandingan moden - sastera bandingan berkenaan teks sastera moden.

7.4.1 Sastera Bandingan Abad ke-19 dan Awal Abad ke-20

- Pentas utama: Eropah
- Konteks: Nationalisme dan Imperialisme
- Nationalisme
  *Pencarian watak nasional
  *Pertukaran pengaruh; memahami budaya lain
- Imperialisme
  *Sikap Erosentrik
  *Perbandingan karya sastera yang setaraf sahaja
- Model: Model Sekolah Pemikiran Perancis [Empirikal]
  *Penekanan pada sejarah
  *Pendekatan binari [banding karya dua sastera bangsa/budaya]
  *Pencarian pengaruh; asal-usul
- *Rapport de faits* [hubungan faktual antara teks sastera; dicari secara forensik]
- Hutcheson Macaulay Posnett (1882-1901; New Zealand) *Comparative Literature* 1886. Penekanan kepada sifat antarabangsa.

- Pengaruh J.W. Goethe (1749-1832; Jerman); konsep *Weltliteratur* (Sastera dunia) 1827– karya-karya besar yang merentas bahasa, budaya; terjemahan daripada Parsi, Arab, Sanskrit dan lain-lain.

7.4.2 Sastera Bandingan Separuh Pertama Abad ke-20

- *Main player / stage*: America (USA)
- Model: Perancis [penerusan]
- Sekolah Pemikiran Amerika:
  *Penekanan pada sastera; formalistik
  *Tidak terhad kepada pendekatan binari; juga lihat di luar Barat
  *Antara disiplin
- Tokoh: Henry Remak (1916-2009) "*across nations and across disciplines*'
- Rene Wellek – kesarwajagatan sastera





7.4.3 Sastera Bandingan Mulai Pertengahan Abad ke-20

- Pentas: Barat dan negara-negara Pascakolonial
- Konteks
- Situasi Pascakolonial
- Nasionalisme dan pencarian jati diri

  "*Emergent literatures*" [sastera yang berbeza daripada sastera Barat yang domenen / hegemonik]

  Kesusasteraan Bandingan sebagai aktiviti politik [*un-naming* dan *naming*]

  Kerelevanan model sastera Barat dipersoal
- Situasi Pascamoden

  Fragmentasi, ketiadaan pusat, ketiadaan naratif besar dan lain-lain.

7.5 Hubungan Intertekstual

Dalam hal hubungan sejarah antara teks, perlu diperhatikan prinsip intertektual. Hal ini dibincangkan oleh Rifaterre dalam bukunya *Semiotics of Poetry* (1978) bahawa sajak baharu bermakna penuh dalam hubungannya dengan sajak lain. Hubungan ini dapat berupa persamaan atau pertentangan. Selanjutnya dikatakan Rifaterre (1978:11,23) bahawa sajak yang menjadi latar karya sastera sesudahnya itu disebut sebagai *hipogram* (Pradopo 2005: 167).

Julia Kristeva (dalam Culler, 1977:139) menegaskan bahawa setiap teks itu merupakan penyerapan atau transformasi teks-teks lain. Sebuah sajak itu merupakan penyerapan dan tranformasi hipogramnya. Dengan ungkapan lain, bagi Kristeva, masuknya teks ke dalam teks lain merupakan hal yang biasa terjadi dalam karya sastera sebab pada hakikatnya suatu teks merupakan bentuk transformasi daripada sejumlah teks lain. Dalam realiti, karya sastera yang muncul kemudian ada yang bersifat menentang gagasan atau idea asal hipogramnya, ada yang menguatkan atau mendukung, namun ada juga yang memperbaharu gagasan yang ada dalam hipogram.

Dalam kesusasteraan Indonesia, hubungan intertekstual antara satu karya dengan karya yang lain sama ada antara karya sezaman atau pun zaman sebelumnya banyak berlaku. Misalnya sesama karya Pujangga Baru, antara karya-karya Pujangga Baru dengan karya-karya Angkatan 45, ataupun dengan karya lain. Untuk memahami dan mendapatkan makna lengkap sebuah sajak, perlu dilihat hubungan intertekstual ini. Misalnya beberapa sajak Chairil Anwar mempunyai hubungan intertekstual dengan sajak-sajak Amir Hamzah. Hubungan intertekstual itu menunjukan adanya persamaan dan pertentangannya dalam hal konsep estetik dan pandangan hidup yang berbeza. Misalnya ada intertekstualiti antara sajak “Berdiri Aku” (Amir Hamzah) dengan “Senja di Pelabuhan Kecil” (Chairil Anwar), “Kusangka” (Amir Hamzah) dengan “Penerimaan” (Chairil Anwar), “Dalam Matamu” (Amir Hamzah) dengan “Sajak Putih” (Chairil Anwar).

7.6 Parodi

Parodi ialah karya sastera, seni, dan seumpamanya yang meniru gaya pengarang atau pencipta lain dengan cara yang melucukan atau menyindir; memparodikan menghasilkan parodi (Bahagian Persuratan DBP). Karangan yang ditulis untuk tujuan mempermain-mainkan, atau karangan yang meniru karya lain, yang bersifat serius dengan bermatlamat untuk melucu atau mencemuh. Hal Ini dapat dicapai secara melebih-lebihkan peniruan pada aspek-aspek pemilihan kata dan gaya penulisan. Parodi dalam kesusasteraan samalah

halnya seperti karikatur dan kartun dalam seni lukis (e-Glosari Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, UM).

Karya berbentuk parodi lumrahnya membawa kesan jenaka, seperti definisi Abrams (1999, 26) dalam Ruzy Suliza Hashim (2007):

> *A parody imitates the serious manner and characteristics features of a particular literary work, or the distinctive style of a particular author, or the typical; stylistic and other features of a serious literary genre, and deflates the original by applying the imitation to a lowly or comically inappropriate subject. John Phillips' "The splendid shilling" (1705) parodied the epic style of John Miltons' Paradise Lost (1667) by exaggerating its high formality and applying it to the description of a tattered poet composing in a drafty attic.*

Parodi ialah cara yang digunakan oleh pengarang untuk memberi interpretasi baharu dengan menampilkan aspek-aspek kejenakaan dalam karyanya. Aspek kejenakaan dapat dilakukan melalui pembalikan karakter secara ironis. Suatu karakter yang telah dikenal dan difahami masyarakat ditampilkan dalam bentuk yang berbeza secara kontras. Parodi, kandungannya mengajak masyarakat mentertawakan diri sendiri. Dengan demikian masyarakat tidak akan terasa diejek atau diperlekeh berkaitan dengan hal-hal yang diyakini selama ini.

Sohaimi Abdul Aziz (2002, 31) dalam bukunya Kesusasteraan Bandingan: Perkembangan, Pendekatan, Praktis, menunjukkan contoh bagaimana Shahnon Ahmad telah mengolah semula "Sejarah Melayu" dalam cerpen "Wan Empuk Kakak Wan Malini". Sohaimi memanggil teknik ini parodi di bawah payung sastera bandingan di mana kajian teks asal dan teks olahan ini dilihat daripada pendekatan genetik. Menurut Sohaimi, "Pendekatan genetik memang dapat membantu meneroka sejarah sastera kerana pertalian baka yang wujud antara dua buah karya sastera dibuktikan dengan fakta-fakta nyata dan sering melibatkan dokumen peribadi". Oleh sebab teknik pengolahan ini dilihat dari sudut pengaruh, maka terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk menunjukkan cara pengaruh itu diserapkan. Karya adaptasi, plagiat, terjemahan dan peniruan merupakan pengaruh secara sedar. Peniruan pula dapat dibahagikan kepada parodi, pengayaan dan lain-lain. Oleh itu, karya Shahnon

Ahmad dilihat sebagai parodi Sejarah Melayu.

Prof Madya Rahman Shaari berkata bahawa penciptaan cerita dan puisi jenaka merupakan kerja yang sukar. Beliau menjelaskan bahawa kejenakaan dalam karya lahir daripada proses pemikiran dan unsur ini tidak boleh disamakan dengan jenaka spontan. Beliau berpendapat bahawa ``Cerita jenaka selalunya tidak indah tetapi mempunyai keistimewaannya sendiri. Dalam Sejarah Melayu, historiografi tradisional Melayu yang agung terdapat beberapa jenaka spontan yang tampaknya tidak dinaikkan ke tingkat seni dan pemikiran.” Terdapat juga penulis yang mengarang cerita parodi berdasarkan cerita asal seperti teks Sejarah Melayu. Umpamanya karya Shahnon Ahmad yang bertajuk Wan Empok Kakak Wan Malini mengetepikan isi asal Sejarah Melayu lalu bercerita bahawa anak raja tiga beradik yang datang ke Bukit Seguntang (hitam legam semuanya) telah meniduri gadis-gadis di kawasan tersebut.

Selain itu, cerpen “Puteri” karya Dr. Othman Puteh mengisahkan Puteri Gunung Ledang yang hidup di Melaka pada zaman moden dengan idea dan pemikiran penulisnya sendiri.

Aktiviti Kumpulan:
Secara perbandingan bincangkan setiap ciri sebuah karya yang anda baca dengan memberikan penjelasan yang lengkap, berserta contoh-contohnya jika terdapat unsur interteks dan unsur parodi dalam karya tersebut.

TAJUK 8 SASTERA KANAK-KANAK DAN REMAJA

8.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi penjelasan tentang sastera kanak-kanak dan remaja merangkumi konsep sastera kanak-kanak, fungsi sastera kanak-kanak dan remaja.

8.2 Hasil Pembelajaran

i. Menghuraikan fungsi sastera kanak-kanak;

ii. Membincangkan sastera kanak-kanak daripada perspektif pendidikan.

8. 3 Pengenalan

Sastera awal kanak-kanak ialah sastera kanak-kanak yang dihasilkan dalam bentuk buku yang boleh dibaca oleh kanak-kanak dan mampu menimbulkan keseronokan kepada mereka. Bagi mencapai tahap tertinggi nilai sastera dan estetika karya, penghasilan sastera awal kanak-kanak ini dilakukan dalam bentuk tulisan dan ilustrasi. Sastera awal kanak-kanak merupakan salah satu elemen yang dikenal pasti berupaya melengkapkan perkembangan seseorang kanak-kanak. Hal ini kerana, sastera awal kanak-kanak mampu memberi kan keseronokan, dapat merangsang imaginasi, dapat membantu mengenal dan memahami diri sendiri, dapat memahami bahasa secara semula jadi, dapat membantu mendapatkan maklumat dan dapat memupuk nilai-nilai murni kepada individu kanak-kanak.

8.4 Sastera Awal Kanak-Kanak

Sastera adalah hasil kreatif yang menggunakan bahasa yang indah, baik dengan cara pengucapan atau bertulis. Sastera biasanya digunakan sebagai

bahan hiburan dan bahan pengajaran untuk mengenal diri dan masyarakat sesuatu bangsa (Atan Long, 1977). Hasil kreatif sastera itu mungkin terdiri daripada cerita, puisi, drama, cerpen, novel, hikayat, dan lain-lain karya. Justeru, sastera awal kanak-kanak merujuk kepada hubungan kanak-kanak dengan hasil kreatif iaitu buku atau bahan bacaan dan cerita. Hubungan ini boleh dalam bentuk mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pada peringkat awal kanak-kanak, bahan seperti buku-buku bergambar yang berwarna; dan bahan bacaan yang diaplikasikan dengan bahan audio visual perlu diperbanyak untuk menarik minat kanak-kanak membaca. Bahan yang demikian sangat penting kerana kebolehan membaca banyak bergantung kepada ketajaman deria pendengaran dan deria penglihatan kanak-kanak.

Kanak-kanak perlu didedahkan dengan aktiviti membaca buku cerita, melihat pelbagai jenis buku, ditunjukkan cara menjaga buku dan mengumpulkan buku berwarna-warni. Hal ini boleh berlaku kerana pada usia lima tahun, kanak-kanak telah mula menguasai asas-asas bahasa seperti semantik, sintaksis dan pragmatik. Asas-asas bahasa ini akan terus berkembang mengikut pertambahan umur mereka. Satu konsep yang penting dalam pendidikan berhubung dengan pembacaan ini ialah kanak-kanak ini harus disediakan dengan "kesediaan atau persiapan sebelum membaca" atau "*reading readiness*".

8.5 Fungsi sastera kanak-kanak dan remaja

Sastera kanak-kanak dan sastera remaja merupakan bidang yang sangat menarik dan penting kerana peranannya dalam memberikan sumbangan besar dalam sosial dan budaya dari sudut pembelajaran dan pengajaran. Sastera kanak-kanak merupakan bahan bacaan yang ditulis khas untuk sumber pengetahuan kanak-kanak. Bahan-bahan ini merangkumi semua bentuk penulisan kreatif dam imaginatif yang khususnya bertujuan untuk dibaca, hiburan dan dinilai oleh kanak-kanak. Menurut Misran Rokimin (2001) meneliti sastera kanak-kanak sebagai agen pembangunan yang menjurus kepada pembangunan diri seseorang manusia itu, sama ada dari segi emosi, pemikiran atau kebahasaannya. Ketiga-tiga aspek ini akan terus berkembang, yakni semakin

banyak karya sastera yang dibacanya, semakin bertambah perkembangan berlaku dalam diri kanak-kanak itu.

Sastera remaja pula merupakan hasil ciptaan pengkarya untuk menceritakan tentang kehidupan remaja, alam zahir dan alam batin remaja itu. Melalui perasaan-perasaan dan fikiran-fikiran yang dilahirkan dengan bantuan bahasa menjadikan seni sastera remaja sebagai satu hasil kehidupan jiwa yang terjelma yang menggambarkan kehidupan masyarakat remaja. Menurut Othman Puteh(1988:21) mengatakan bahawa sastera remaja merupakan bahan bacaan sastera kreatif yang tercetus daripada pengamatan, pengalaman dan kreativiti pengarang yang relevan dengan pertumbuhan dan perkembangan psikologi remaja yang berusia sekitar 12-20 tahun. Bahan ini dikatakan sebagai relevan kerana segala hasil karya tanpa mengira genrenya yang dapat memperkaya pengalaman dan pengetahuan khalayak pembacanya, merangsang minat dan berupaya menghidupkan daya imaginasi lalu mendorong daya berfikir secara kritis dan selektif.

Kedua-dua genre ini baik sastera kanak-kanak mahupun sastera remaja mempunyai peranan masing-masing. Kedua-dua genre ini mempunyai fungsi yang sama, antaranya:

i. Sebagai medium untuk mendekatkan dan membiasakan mereka dengan bahasa sastera. Misalnya sastera kanak-kanak menggunakan konsep cerita binatang yang berperanan sebagai wadah bagi mendekatkan sastera kepada kanak-kanak. Watak haiwan digunakan sebagai pengantara antara sastera dan kanak-kanak. Hal ini disebabkan naluri kanak-kanak yang secara semulajadinya menyukai haiwan dalam dunia realiti. Justeru, tidak sukar untuk memupuk minat mereka terhadap sastera jika watak haiwan ini dipindahkan ke alam karya penulisan. Selain itu, sastera remaja pula menggunakan konsep realiti kehidupan di mana remaja didedahkan dengan ilmu pengetahuan tentang pelbagai aspek dalam kehidupan seperti dalam bidang politik, sejarah, agama, psikologi dan falsafah. Hal ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada golongan ini mengenal realiti sebenar kehidupan. Justeru, tidak sukar

untuk memupuk minat mereka terhadap sastera jika kehidupan realiti ini dipindahkan ke alam karya penulisan. Jelaslah bahawa sastera kanak-kanak dan sastera remaja berfungsi sebagai medium untuk mendekatkan dan membiasakan mereka dengan bahasa sastera.

ii. Sebagai medium bagi mempertingkatkan tahap keintelektualan, daya imaginasi dan kreativiti khalayak kanak-kanak dan remaja. Ia diransang sewaktu mereka mengikuti plot-plot yang terdapat dalam hasil sastera yang dibaca. Ada di antara hasil-hasil sastera ini dipersembahkan dalam bentuk lakonan, nyanyian, gurindam, pantun dan seloka yang secara tidak lansung melatih mereka untuk mengekspresikan diri mereka serta mencungkil bakat yang terpendam dalam diri mereka. Misalnya melalui rancangan realiti seperti Idola kecil, Pondok-pondok dan Tetombak memberi ruang kepada mereka mempertingkatkan bakat kanak-kanak dalam bidang kesusasteraan. Manakala golongan remaja sering didedahkan dengan pertandingan nyanyian, penulisan kreatif dan pelbagai lagi. Hal ini menjelaskan bidang sastera telah berkembang luas sehingga mampu menarik minat golongan kanak-kanak dan remaja menceburi bidang ini dengan lebih mendalam.

iii. Sebagai medium hiburan untuk individu masyarakatnya. Masyarakat zaman dahulu atau golongan yang mengamalkan cara hidup tradisional tidak mempunyai media hiburan untuk individu masyarakatnya. Oleh itu, pelbagai cerita lisan diciptakan dalam bentuk seni sastera bertujuan menarik perhatian khalayaknya. Lazimnya hasil-hasil sastera ini dicorakkan dengan ilustrasi dan gambar-gambar yang menarik. Secara tidak langsung, kanak-kanak dapat menikmati sesi pembacaan dengan minda yang terhibur. Manakala karya sastera bagi golongan remaja biasanya diselitkan adegan romantis dan mesra antara satu individu dengan satu individu yang lain kerana pada peringkat ini mereka melalui alam berkasih sayang. Faktor perubahan hormon ini menyebabkan mereka memerlukan perhatian dan kasih sayang. Jelaslah bahawa sastera kanak-kanak dan sastera remaja ini berkembang maju sebagai

suatu medium hiburan yang bergerak seiring dengan permintaan khalayaknya.

iv. Sastera kanak-kanak dan sastera remaja memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan wadah pengajaran dan didikan moral kepada masyarakat tradisi. Cerita lisan telah menjadi medium yang penting untuk memberi nasihat dan pengajaran yang baik dan dijadikan panduan kepada setiap individu masyarakatnya. Hal ini dapat dilihat dalam sastera kanak-kanak melalui cerita-cerita binatang yang menjadikan haiwan sebagai watak-watak yang memberikan pelbagai pengajaran yang baik seperti mengisahkan tentang akibat orang yang tamak, takbur, sombong dan bongkak seperti cerita “Anjing dengan Bayang-bayang”. Walaupun penggunaan watak haiwan diaplikasikan, namun ia pada akhirnya membawa mereka kepada nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita tersebut di mana cerita jenis ini mempunyai ciri interaktif dan dapat memberi kesan pada jiwa kanak-kanak. Jelaslah bahawa sastera kanak-kanak dan sastera remaja memainkan peranan penting dalam mendidik, khususnya bagi golongan kanak-kanak dan remaja yang belum mengetahui sistem pengajian yang bercorak formal.

v. Sastera kanak-kanak dan sastera remaja juga berfungsi untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada khalayak pembaca. Antara nilai-nilai murni yang kerap diterapkan oleh pengarang dalam hasil sastera kanak-kanak dan sastera remaja ialah nilai berkerjasama, tolenrasi, sensitif kepada kezaliman, saling bermaafan, berterima kasih, berani mencuba dan berkasih sayang. Kesedaran terhadap nilai-nilai murni ini perlu disemai pada peringkat awal zaman kanak-kanak lagi. Sastera kanak-kanak dan sastera remaja ini berperanan dalam memberi teladan kepada kanak-kanak agar mereka dapat menyesuaikan dan mempersembahkan diri mereka berdasarkan kepada nilai murni yang ditonjolkan berdasarkan bahan sastera yang telah dibaca oleh mereka. Hal ini disebabkan mereka ibarat kain putih yang perlu dicorakkan dengan nilai dan budi pekerti yang baik. Bak kata pepatah, "melentur buluh biarlah dari rebungnya". Jelaslah

bahawa sastera kanak-kanak dan sastera remaja bukan sahaja sebagai hiburan tetapi mampu berdiri sebagai alat yang dapat membantu khalayak pembacanya membina nilai-nilai murni.

vi. Sastera kanak-kanak dan remaja berfungsi sebagai keperluan material atau kebendaan. Keperluan material ini menggambarkan keadaan kehidupan fizikal yang serba lengkap dan istimewa khususnya dari segi material. Lazimnya, kanak-kanak akan terangsang dengan gambaran tempat kediaman istana atau rumah yang bangunannya besar dan indah dengan bilik-bilik yang dihiasi oleh pelbagai hiasan. Selain itu, putera-puterinya digambarkan kacak dan cantik rupawan dengan hiasan permata gemerlapan, pakaian cantik dan berwarna-warni serta majlis perkahwinannya dilangsungkan dengan meriah dalam suasana yang gilang-gemilang dihadiri oleh orang-orang kenamaan dari segala pelosok negeri. Jamuan yang dihidangkan pula pelbagai aneka. Hal ini dapat dilihat dalam cerita Puteri Kayangan dan cerita Alladin dan Lampu Ajaib. Ia mencabar proses imaginasi kanak-kanak untuk terus berusaha memikirkan cara untuk memiliki kepunyaan sendiri. Jelaslah bahawa sastera kanak-kanak dan remaja mampu berfungsi sebagai salah satu keperluan materi.

Kesimpulannya sastera kanak-kanak dan remaja bukan sahaja berperanan sebagai alat hiburan tetapi turut memainkan peranan penting dalam dunia realiti. Pengarang yang menghasilkan karya sastera kanak-kanak dan sastera remaja mestilah mempunyai tahap intelek yang tinggi dalam penghasilan karya tersebut. Hal ini disebabkan golongan ini adalah golongan yang mudah diberi pendedahan bak kata pepatah “kanak-kanak merupakan kain putih yang perlu dicorakkan.” Oleh itu, setiap hasil karya sastera kanak-kanak dan remaja itu perlu mempunyai unsur yang dapat membentuk keperibadian kanak-kanak dan remaja sebagai generasi yang mulia dan bermoral. Maka karya sastera kanak-kanak dan remaja yang hendak dihasilkan perlulah menitikberatkan aspek mutu bahan bacaan

tersebut. Tahap kecerdasan pemikiran seseorang kanak-kanak dan remaja itu terletak pada tahap keintelektualan pengarang itu sendiri.

8.4 Sastera Kanak-kanak daripada Perspektif Pendidikan

1. Perkembangan Bahasa dan Komunikasi

Perkembangan bahasa dan komunikasi amat penting semasa kanak-kanak masih di peringkat prasekolah. Kurikulum pendidikan awal prasekolah (PKK, 2000) menggariskan prinsip utama pengajaran bahasa ialah menyepadukan empat kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa yang mereka pelajari. Sastera kanak-kanak boleh digunakan untuk membantu perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Ini boleh dilakukan melalui bacaan secara kuat kepada kanak-kanak di bilik darjah. Melalui aktiviti bacaan secara kuat ini kanak-kanak akan berpeluang mendengar sebutan yang betul, menyatakan idea atau pendapat melalui perbincangan, dan menceritakan semula cerita atau menulis, atau melukis cerita yang telah didengar atau yang telah dibaca oleh mereka (Allor & Mc Cathreen, 2003). Dengan mendengarkan pembacaan buku, secara tidak lansung kanak-kanak didedahkan dengan fungsi literasi yang bermakna dan menarik perhatian mereka. Disamping itu juga pembacaan buku akan dapat memperkayakan perbendaharaan kata kanak-kanak. Bagi pembaca baru pula, membacakan buku secara kuat ini juga akan memperkenalkan cara menggunakan buku serta fungsi buku kepada mereka (Allor & Mc Cathreen, 2003).

Menurut Tan et all (2003), Kohlberg membahagikan perkembangan moral kepada 6 peringkat yang memfokus kepada keupayaan kanak-kanak mengadili dan bagaimana mereka menyelesaikan dilema yang berkaitan dengan moral. Di peringkat pertama orientasi ke arah hukuman dan ketaatan iaitu mereka mengikuti peraturan kerana takutkan hukuman.

Di peringkat kedua pula ialah melakukan sesuatu berdasarkan keinginan dan untuk mendapatkan sesuatu balasan. Apabila mereka telah semakin matang, mereka telah berubah kepada tahap 3 di mana mereka melakukan apa yang sepatutnya baik dilakukan oleh budak baik. Pada tahap ini kanak-kanak telah boleh menerima norma yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Menurut Glazer (2000), melalui cerita kanak-kanak akan mendapat pengajaran mengenai sebab dan akibat sesuatu perlakuan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Kohlberg kanak-kanak pada ketika ini ingin melakukan sesuatu kerana takutkan hukuman dan inginkan balasan yang baik. Untuk orientasi seperti ini cerita yang menggambarkan perbuatan baik dibalas baik dan perbuatan jahat mendapat balasan buruk akan memberi pengajaran kepada kanak-kanak. Oleh itu cerita-cerita yang berbentuk tauladan amat sesuai untuk peringkat usia kanak-kanak ketika ini. Melalui cerita juga kanak-kanak akan mendapat contoh-contoh perwatakan kanak-kanak yang dikatakan baik yang menjadi idola yang ingin diikuti oleh mereka seperti mana konsep seseorang budak yang baik.

Buku-buku yang banyak menggambarkan perlakuan prososial ini bolehlah dijadikan panduan oleh kanak-kanak yang sememangnya mencari-cari model yang baik yang boleh ditiru oleh mereka. Melalui pembacaan buku, kanak-kanak memperkukuhkan lagi konsep keadilan iaitu kanak-kanak dapat membuat penilaian mengenai perasaan orang lain. Mereka belajar memikirkan mengenai orang lain juga dan belajar bertolak ansur dalam kehidupan. Jadi mereka harus tahu bagaimana mengambil giliran, meminta izin, berkongsi sesuatu, mempelawa, dan lain-lain yang pada mulanya agak sukar dilakukan bagi usia mereka yang boleh digambarkan melalui perwatakan di dalam buku cerita kanak-kanak. Dari sudut kerohanian pula sememangnya sastera kanak-kanak kaya dengan cerita-cerita anbiya dan juga kisah-kisah nabi. Guru boleh menggunakan cerita-cerita ini sebagai cara menyemaikan sifat kerohanian kepada kanak-kanak melalui kisah dan tauladan. Guru-guru juga perlu

memastikan buku-buku tersebut adalah yang mudah difahami oleh kanak-kanak dan guru boleh memperkenalkan istilah-istilah baharu yang harus dipelajari oleh kanak-kanak dalam kurikulum kerohanian prasekolah. Bagi amalan-amalan dalam agama Islam seperti ibadah dan sebagainya boleh disampaikan menggunakan buku yang menerangkan perkara ini dengan jelas supaya mudah diikuti oleh kanak-kanak yang beragama Islam.

2 Perkembangan Sosial

Komponen Perkembangan Sosioemosi memberi fokus kepada penguasaan emosi dan kemahiran sosial yang matang. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid belajar mengawal emosi, pemikiran dan tindakan supaya dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan bermasyarakat (KPM, 2000). Pada zaman ini kehidupan menjadi bertambah kompleks dan ini mengakibatkan kanak-kanak turut menerima sedikit sebanyak tekanan. Kanak-kanak memerlukan contoh bersosialisasi yang baik, dan mempelajari bagaimana untuk bersosialisasi dengan baik di dalam masyarakat. Dengan menggunakan buku, kanak-kanak akan melihat apa yang dilakukan oleh watak-watak di dalam buku bagi menyesuaikan diri di dalam kehidupan harian. Melalui model-model yang baik yang terdapat dalam buku cerita kanak-kanak mempelajari bagaimana hendak menangani isu-isu kehidupan. Menurut Tan et al (2003), secara amnya pembentukan pelakuan berlaku melalui proses mengenal pasti dan peniruan. Menurut Bandura (Tan et al, 2003), kanak-kanak mempelajari sesuatu perlakuan melalui proses pemerhatian dan peniruan. Beliau telah banyak menjalankan kajian mengenai proses pemerhatian dan peniruan di dalam bilik darjah dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian beliau menunjukkan kebanyakan pembelajaran manusia berlaku melalui proses pemerhatian dan peniruan. Menurut Piaget, kanak-kanak berusia dua tahun hingga keenam tahun bersikap egocentrik iaitu terlalu mementingkan dirinya sendiri. Walau

bagaimanapun semakin meningkat usia mereka, pemikiran mereka mula berkembang dan mereka telah mula memahami orang lain (Tan et al, 2003). Glazer (2000) menyatakan peniruan boleh berlaku dengan menggunakan buku. Ini kerana melalui buku akan terdapat perlakuan-perlakuan yang prososial seperti bertolak ansur, menunggu giliran, meminta izin, memohon maaf dan sebagainya. Di sini kanak-kanak akan mempelajari dan mencontohi tingkah laku yang betul dan yang boleh diterima oleh masyarakat. Tambahan pula kanak-kanak di usia ini masih baru dalam proses bersosialisasi dan amat memerlukan contoh yang perlu diikuti oleh mereka. Melalui buku cerita juga kanak-kanak mempelajari mengenai perbezaan-perbezaan individu terutamanya dalam konteks masyarakat yang berbilang kaum. Melalui buku kanak-kanak akan mempelajari terdapat persamaan di antara mereka dengan rakan-rakan yang berlainan kaum seperti menyukai makanan atau mainan yang sama dan sebagainya dan terdapat perbezaan dari segi agama, rupa fizikal, budaya dan lain-lain lagi. Melalui cerita-cerita sebegini akan dapat menyatupadukan masyarakat berbilang bangsa sejak dari usia muda lagi. Begitu juga melalui perwatakan di dalam buku kanak-kanak akan mengetahui cara yang baik bagi menyuarakan ketidakpuasan hati mereka, kemarahan mereka, kesedihan mereka dan kegembiraan mereka melalui cara yang sesuai. Melalui model yang ditunjukkan oleh watak-watak di dalam buku cerita tersebut kanak-kanak secara tidak langsung mempelajari bagaimana menangani masalah emosi mereka dengan cara yang sesuai (Lynch-Brown & Tomlinson,1999). Ilustrasi juga dapat memainkan peranan dalam perkembangan emosi kanak-kanak kerana ilustrasi di dalam buku berupaya menunjukkan perlakuan perlakuan positif dan negatif sesuatu watak. Ilustrasi yang baik akan menunjukkan emosi watak melalui mimik muka, perlakuan serta personaliti watak yang dapat diperhatikan oleh kanak-kanak. Oleh kerana gambar ini tidak bergerak, ianya boleh diamati oleh kanak-kanak dan secara tidak langsung berlakulah peniruan. Oleh itu pelukis ilustrasi haruslah menggunakan

peluang ini seluas-luasnya dalam menyampaikan tunjuk ajar yang positif kepada kanak-kanak.

3. Perkembangan Kreativiti dan Estetika

Komponen Kreativiti dan Estetika memberi fokus kepada memperkembangkan sifat kreatif dan ekspresif melalui imaginasi dan pemikiran (KPM, 2000). Guru-guru harus membantu kanak-kanak memperkembangkan pontesi kreativiti mereka dengan mengadakan peluang untuk mereka mengambil bahagian dalam aktiviti kesenian yang menggunakan daya imaginasinya (Glaser, 2000). Guru yang baik memperkenalkan bentuk kesenian yang baru kepada kanak-kanak serta mengembangkan kemahiran ekspresi mereka secara beransur-ansur agar kanak-kanak dapat mengadaptasi maklumat baru dan menguasai teknik-teknik baru serta menggalakkan kanak-kanak menggunakan segala pontensi diri mereka yang kreatif. Potensi diri yang kreatif adalah cara penyelesaian masalah yang kreatif. Guru boleh menggalakkan dengan mengadakan suasana yang selamat di dalam bilik darjah agar kanak-kanak suka untuk menyuarakan pendapat dan idea mereka. Selalu bertanyakan soalan dan mengadakan aktiviti yang bersifat terbuka supaya kanak-kanak dapat menjawabnya dengan pelbagai jawapan dan cara (Wardel, 2000). Kanak-kanak prasekolah memberikan respons kepada pelbagai bentuk seni. Tunjukkan kepada kanak-kanak yang setiap artis mempunyai cara tersendiri untuk melukis ilustrasinya (Glazer, 2000). Ini ditunjukkan melalui lukisan daripada pelbagai artis yang terkenal. Bantu kanak-kanak membuat pemerhatian dan membezakan hasil satu artis dengan artis yang lain. Sebagai lanjutan, libatkan kanak-kanak dalam aktiviti seni yang berkaitan dengan teknik yang digunakan oleh artis di dalam buku cerita. Kanak-kanak pada usia ini juga suka menggunakan sensori di dalam meneroka alam sekitar. Bacakan buku yang mengenai penggunaan deria sensori mereka. Begitu juga kanak-kanak gemar

menyanyikan lagu-lagu kegemaran mereka. Menurut Wardel, (2000), gunakan buku yang mempunyai lirik lagu dan perdengarkan iramanya kepada kanak-kanak atau guru boleh juga menggunakan CD yang berunsurkan karaoke kepada kanak-kanak. Sambil mendengar lagu atau puisi galakkan juga kanak-kanak membuat pergerakan kreatif. Kanak-kanak pada usia ini juga suka menggunakan daya imaginasi mereka. Rancang pembacaan buku yang mempunyai pelbagai jalan penyelesaian dan minta pendapat kanak-kanak cara penyelesaian mereka. Dengan melakonkan semula cerita yang telah dibaca juga akan membantu imaginasi kanak-kanak (Wardel, 2000).

4. Menggabungjalinkan Sastera Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Adalah menjadi tugas guru untuk menerapkan kesasteraan ke dalam pengajaran mereka bagi memastikan kanak-kanak mendapat faedah daripadanya. Bagi mengabungjalinkan kesusasteraan dalam pendidikan prasekolah beberapa cara boleh digunakan oleh guru bagi menjayakan tujuan tersebut. Antaranya ialah:

a) Penggunaan Bahan Bacaan Asas

Penggunaan bahan bacaan Asas (basal) telah lama digunakan di United State bagi pengajaran sekolah rendah. Menurut Durkin (1987, Tomlinson dan Lynch-Brown) bahan bacaan asas adalah bacaan bersiri yang di peringkatkan daripada yang mudah meningkat kepada aras yang agak sukar peringkat demi peringkat. Bahan asas dalam program ini adalah buku bacaan bagi kanak-kanak, buku panduan guru, panduan penggunaan program secara keseluruhan dan sistem penilaian. Menurut Lapp, Flood dan Farnan 1992, (dalam Tomlinson dan Lynch Brown,1999) kekuatan bagi program yang berasaskan bahan bacaan berperingkat ini ialah ianya membantu guru dalam menyelenggarakan program bacaan

secara sistematik. Ia membimbing guru serta membantu guru membuat keputusan mengenai bahan bacaan yang diperlukan oleh kanak-kanak pada peringkat tertentu. Ianya berasaskan teori bawah ke atas di mana pembacaan bermula daripada abjad dan berakhir dengan ayat. Setelah kanak-kanak boleh membaca, pelbagai jenis kesusasteraan akan diperkenalkan seperti sajak, bahasa berirama, cerita dan berbagai jenis bahan bacaan. Set bacaan asas yang baik akan turut mengambil kira mengenai aspek-aspek kesusasteraan disamping mengfokus kepada pengajaran berasaskan kemahiran fonik dan perbendaharaan kata. Sekiranya bahan bacaan asas tersebut tidak menyediakan buku yang berkualiti dari sudut kesusasteraan mungkin guru boleh memperkenalkan juga buku-buku lain yang berkualiti daripada aspek kesusasteraan untuk digunakan bersama-sama buku bacaan asas tersebut.

b) Menggunakan buku bagi tema tertentu

Bagi memudahkan guru menyediakan bahan bacaan yang berkaitan dengan tema pada minggu tersebut, sediakan senarai buku yang akan digunakan bagi tema-tema tertentu sepanjang tahun. Misalnya tema seperti diri saya, keluarga saya, sekolah saya, pekerjaan, perayaan, bunga dan sayuran adalah tema-tema yang biasa digunakan di prasekolah-prasekolah. Pamerkan buku-buku yang mempunyai tema-tema ini di rak pameran semasa tema-tema ini berlangsung. Ini akan menggalakkan kanak-kanak mencari maklumat atau membuat eksplorasi dengan lebih meluas lagi mengenai tema yang mereka pelajari. Guru boleh membacakan buku dan menunjukkan kepada kanak-kanak bagaimana mencari maklumat menggunakan buku yang berkaitan dengan tema pembelajaran yang sedang dijalankan di bilik darjah.

c) Penyediaan Sudut Literasi

Penyediaan persekitaran yang sesuai bagi pembacaan secara langsung akan menggalakkan pembacaan dalam kalangan kanak-kanak. Oleh kerana kanak-kanak menyukai warna yang terang, warna-warna sebegini bolehlah digunakan di pusat bacaan agar dapat menarik perhatian kanak-kanak. Tempat yang agak terkepung juga disukai oleh kanak-kanak kerana ia menyebabkan mereka rasa terlindung dari laluan dan kebisingan. Jadikan sudut bacaan sebagai tempat yang selesa dengan berkarpet serta mempunyai banyak kusyen untuk kanak-kanak membaca dengan selesa. Sediakan rak pameran untuk mempamerkan buku yang dibaca oleh guru pada minggu itu agar mudah dilihat oleh kanak-kanak juga buku yang berkaitan dengan tema mingguan. Rak terbuka pula untuk menyimpan buku yang menjadi koleksi bilik darjah tersebut. Koleksi buku juga harus mengandungi pelbagai jenis buku bergambar dan buku-buku bacaan mudah. Selain dari itu alat perakam suara, buku interaktif dan juga komputer untuk digunakan oleh kanak-kanak di sudut bacaan. Ini akan meringankan beban guru untuk membacakan buku yang sama berulang-ulang kali kepada kanak-kanak. Ini kerana alat-alat tersebut dapat membantu dengan cara membacakan buku yang telah dibaca secara kuat kepada kanak-kanak pada bila-bila masa yang diperlukan oleh mereka. Guru juga boleh melibatkan kanak-kanak dalam pengurusan sudut bacaan ini dengan membenarkan mereka membersihkan sudut ini serta menyusun buku dan peralatan secara bergilir-gilir. Ajak mereka menukar hiasan dan beri mereka peluang untuk menyatakan idea mereka terhadap hiasan di sudut ini. Benarkan kanak-kanak menggunakan sudut ini secara bebas apabila mereka ada kelapangan seperti jika mereka menyudahi aktiviti pembelajaran lebih awal dari yang sepatutnya, semasa menunggu waktu pembelajaran bermula ataupun semasa

menunggu waktu untuk pulang. Jadikan sudut bacaan ini aktif sepanjang masa dengan mengadakan aktiviti-aktiviti membaca yang boleh dijalankan secara bersendirian, bersama guru, bersama rakan dan juga dalam kumpulan yang kecil.

d) Penyediaan Koleksi Buku Kanak-kanak

Sediakan bahan bacaan yang daripada pelbagai jenis di dalam prasekolah anda. Pada mulanya galakkan kanak-kanak membaca daripada jenis yang sama. Apabila mereka telah lancar dan suka membaca mereka akan menyukai meneroka bahan-bahan bacaan daripada jenis yang berlainan. Guru juga boleh memilih buku berdasarkan pengarang atau pelukis yang kanak-kanak gemari ataupun koleksi dari pengarang dan pelukis yang terkenal. Buku yang mempunyai nilai-nilai kesusasteraan yang merujuk kepada gaya bahasa, plot, watak dan juga berasaskan tema-tema tertentu juga boleh dijadikan koleksi.Guru perlu menyediakan bahan bacaan yang daripada pelbagai jenis di dalam sudut bacaan sebagai koleksi prasekolah. Pada mulanya galakkan kanak-kanak membaca daripada jenis yang sama. Apabila mereka telah lancar dan suka membaca mereka akan menyukai meneroka bahan- bahan bacaan daripada jenis yang berlainan. Guru juga boleh memilih buku berdasarkan pengarang atau pelukis yang kanak-kanak gemari ataupun koleksi dari pengarang dan pelukis yang terkenal. Buku juga boleh dikumpulkan berasaskan tema-tema tertentu.

8.5 Kesimpulan

Secara keseluruhanya buku cerita kanak-kanak amat berguna dalam usaha bagi membantu perkembangan kanak-kanak prasekolah secara menyeluruh. Oleh itu guru seharusnya mengambil peluang ini untuk menerapkan atau menggabungjalinkan bahan-bahan sastera di dalam pengajaran dan

pembelajarannya. Hasilnya akan dapat dilihat dalam bentuk pulangan jangka panjang iaitu kanak-kanak tersebut bukan hanya akan mempunyai minat membaca yang mendalam serta mempunyai kemahiran membaca yang tinggi, malah mereka juga akan turut berkembang dari segi kognitif serta membina sahsiah diri yang baik.

Tugasan:

Bincangkan peranan dan sumbangan sastera kanak-kanak dan remaja dalam pendidikan sekolah rendah di Malaysia.

TAJUK 9 APRESIASI TEKS SASTERA SEKOLAH RENDAH

9.1 Sinopsis

Bahagian ini membincangkan apresiasi teks sastera, prosa tradisional dari aspek bentuk secara struktural.

9.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

i. Menghuraikan ciri-ciri prosa tradisional.

ii. Menjelaskan mesej yang terdapat dalam prosa tradisional.

9.3 Prosa Tradisional

Karangan atau hasil karya Masyarakat Melayu lama dalam semua bentuk pernyataan biasa yang ditulis atau diucap secara lisan. Karya tidak terikat kepada bentuk- bentuk tertentu. Genre prosa tradisional berbentuk naratif lisan, naratif tulisan, dan prosa bukan naratif.

Bentuk naratif lisan terdiri daripada cerita mitos, legenda dan cerita rakyat manakala naratif tulisan ialah sastera agama, sastera sejarah, sastera panji dan sastera hikayat. Prosa bukan naratif pula terbahagi kepada tiga, iaitu sastera kitab, sastera undang-undang, sastera ketatatnegaraan.

9.4 Ciri-ciri Prosa Tradisional

- Sastera yang diwarisi dan menjadi pusaka yang tinggi nilainya sejak zaman berzaman.
- Disebarkan secara lisan dan tulisan.
- Hak milik bersama kerana nama penulis dan pengarang tidak dinyatakan.
- Dihasilkan dengan tujuan hiburan dan didaktik.
- Lazimnya berkembang dalam satu kelompok masyarakat seperti petani dan nelayan.

- Karyanya bersifat statik.
- Isi ceritanya bersifat universal atau sejagat mengikut jenis karya.
- Pengulangan kata serta penggunaan atau pengaruh kata-kata asing seperti Arab dan Sanskrit.
- Banyak menggunakan laras bahasa istana.
- Ayatnya panjang dan kompleks. Banyak menggunakan ayat songsang.
- Mengandungi unsur mitos dan legenda.
- Banyak menggunakan penanda wacana pada awal ayat.

9.5 Komponen prosa tradisional

1. Tema dan persoalan

   Banyak persamaan dan berbentuk stereotaip. Cerita-ceritanya bertemakan pengembaraan putera rajam kepahlawanan, perjuangan, sejarah, pengajaran atau nasihat, kemanusiaan, percintaan, kasih saying dan keagamaan.

   Persoalannya pula berkait rapat dengan tema yang dikemukan oleh cerita tersebut. Contoh: " Cerita Bayan Tidak Menurut Kata Ibu Bapanya" bertema nasihat. Persoalan yang digarap biasanya menyentuh taat setia kepada suami, mendengar nasihat ibu bapa, mempunyai sikap bertanggungjawab serta tolong- menolong.

2. Watak dan perwatakan

   Watak terdiri daripada golongan pemerintah, pembesar- pembesar istana, saudagar, rakyat biasa seperti petani dan nelayan, dewa- dewa, binatang dan manusia. Contoh: Dalam cerita binatang, wataknya ialah binatang atau tumbuh-tumbuhan. Perwatakannya pula ialah binatang kecil dan lemah tetapi bijaksana.

3. Plot

Plot mudah difahami serta mengikut kronologi. Urutan ceritanya dapat dikatakan bersifat stereotaip. Plot jalan ceritanya memperlihatkan kesamaan antara satu cerita dengan cerita yang lain. Contohnya: plot cerita lipur lara terdiri daripada tiga bahagian, iaitu bahagian pendahuluan, pertengahan dan penyelesaian.

Plot cerita berbingkai sama seperti cerita lipur lara. Bagaimanapun, urutan peristiwa cerita berbingkai kerap disisipkan dengan cerita- cerita sisipan yang bertujuan untuk memberikan nasihat. Cerita- cerita ini akhirnya kembali kepada cerita induk dalam cerita berbingkai tersebut.

Certa jenaka pula plotnya mudah. Urutan peristiwa mengikut kronologi. Ceriat berkembang daripada satu peristiwa kepada peristiwa lain tanpa ada kerumitan dan permasalahan yang kompleks.

4. Latar

Dari segi latar tempat, lazimnya berlaku di alam nyata, alam kayangan dan alam antah berantah. Umumnnya peristiwa berlaku di istana raja, di sebuah negeri, di kampung, di hutan , di lautan serta di udara.

Latar masa pula sudah ditentukan zamannya dan ada juga yang melibatkan zaman yang sebenar yang berlaku dalam sejarah.

Latar masyarakat atau budaya terdiri daripada kalangan Masyarakat Melayu tradisional yang tergolong dalam zaman feudal. Mereka terdiri daripada golongan bangsawan, pembesar dan rakyat jelata.

5. Gaya Bahasa

Gaya bahasa mengekalkan sifat tradisionalnya, iaitu banyak menggunakan ungkapan atau frasa bahasa Melayu lama. Contohnya: mustaid, ceritera, bercabiran, mengoja-oja dan lain-lain. Selain itu ada juga bahasa pertuturan seharian, bahasa Arab bahasa istana, bahasa asing seperti Jawa dan Sanskrit. Terdapat juga kata pangkal ayat yang biasanya digunakan sebagai penanda wacana penceritaan.

Gaya bahasa prosa tradisional diperindahkan lagi dengan penggunaan bahasa berirama, perumpamaan, dan unsure- unsur bahasa seperti simile, paradoks, sarkasme dan lain-lain. Penggunaan ayat pula relatif panjang dan berbelit-belit. Walau bagaimanapun, ada juga ayat yang pendek selain penggunaan unsur perulangan kata yang banyak.

6. Mesej

Cerita yang disampaikan dalam bentuk lisan dan tulisan , penuh dengan kias ibarat yang perlu dihalusi . Terdapat banyak unsur didaktik yang disampaikan dalam bentuk Mesej atau amanat secara tersirat. Contohnya: Cerita Kezaliman Membawa Padah, yang dipetik daripada Sejarah Melayu, banyak membawa mesej terutama kepada pemerintah. Contohnya: keadilan dalam pemerintahan sangat dituntut daripada raja atau sultan supaya negeri aman dan damai. Mesej lain yang hendak disampaikan adalah apabila membuat sesuatu perkara hendaklah disiasat terlebih dahulu dan jangan sampai terburu-buru mengambil tindakan. Kesetiaan kepada negara sangai dituntut dan hidup hendaklah bersifat jujur dan ikhlas.

TAJUK 10	APRESIASI TEKS SASTERA SEKOLAH RENDAH

10.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi penjelasan tentang prosa moden, iaitu cerpen dan novel daripada aspek struktur, fungsi dan unsur bahasa.

10.2 Hasil Pembelajaran

i. Menjelaskana struktur cerpen dan novel dengan contoh yang sesuai.

ii. Membincangkan fungsi cerpen dalam kemahiran bahasa Bahasa Melayu.

10.3 Pengenalan

Cerpen berasal daripada kata akronim “cerita pendek” (*short story, long short story, short-short story).* Cerita rekaan yang pendek, antara 500 hingga 15,000/20,000 patah perkataan. Tiada bab. Pemusatan cerita tertumpu pada satu tema satu persoalan, satu plot dan tiada subplot / plot sampingan. Jumlah watak terhad. Latar juga terhad iaitu, latar masa dan latar ruang terhad.

Menururt Sigmund Freud, faktor utama yang mendorong seseorang mencipta bertolak daripada hasrat yang tidak pernah puas dalam segala tindakan lalu berkhayal menenggelamkan diri dalam fantasi mencipta sebuah dunia rekaan dalam bentuk seni yang khusus.

Pendapat Danziger & Johnson (1985:21), pengarang merupakan manusia yang memiliki keupayaan yang kreatif dan cergas dalam melahirkan pemikiran, menjelmakan ilham dan emosi. Pengarang adalah manusia genius yang berupaya menangkap dan merakamkan kebenaran tentang manusia yang tidak dapat dilakukan oleh manusia biasa.

Othman Puteh 1993:63, dengan menghayati dan memahami hakikat sebuah cerpen daripada aspek-aspek yang tertentu, maka dapatlah ditegaskan betapa sastera amat mengutamakan ciri-ciri di samping tidak menggalakkan pembaziran perkataan dalam perlukisan latar dan watak, longgar dalam pengolahan cerita. Sebaliknya ia harus padat, ekonomi dan menjurus ke suatu arah, satu penyelesaian masalah atau penjelasan terhadap satu kesan pada *emosi, jiwa dan intelek*. Di sinilah letaknya keutuhan bentuk sesebuah cerpen yang melayakkan ia mempunyai kedudukan yang unik dan tersendiri dalam bidang kesusasteraan.

Novel ialah cerita rekaan yang panjangnya antara 15,000 hingga 50,000 patah perkataan dan ada bab. Mempunyai satu tema dan banyak persoalan. Plot cerita kompleks dan ada subplot. Mencakup latar yang luas dan bilangan watak yang banyak.

10.4 Struktur Cerpen dan Novel

1. Tema & Persoalan
2. Plot & Teknik Plot
3. Watak dan Perwatakan
4. Latar
5. Sudut Pandangan
6. Gaya Bahasa
7. Nilai Murni
8. Pengajaran
9. Unsur 3 K (Kemanusiaan, Kemasyarakatan, Kebudayaan)


Tema

Idea yang mengawal cereka. Fikiran atau sesuatu yang menjadi persoalan bagi

pengarang dan persoalan itu merupakan dasar dalam ceritanya. Dua cara ketengahkan tema iaitu; eksposisi secara langsung dan eksposisi secara tidak langsung.


Punca lahirnya tema:


- Pengalaman
- Konflik
- Ilham



Plot

Rangkaian peristiwa yang bersebab. Aksi-aksi yang berkembang dan berhubungan antara satu sama lain


Binaan Plot
Cerpen & Novel
Puncak
Permulaan
Peleraian
czo/ipgkbm/KL


Binaan Plot
(Dalam bentuk kompleks)
Puncak
Suspen
Peleraian
Konflik
Perumitan
Teknik
Perkembangan
Penyelesaian
Pendahuluan
• Watak-watak
• Latar
czo/ipgkbm/KL




Watak dan perwatakan

Watak iaitu pengambil bahagian dalam sesebuah cereka. Perwatakan ialah sifat luaran

dan dalaman manusia. Sifat-sifat manusia secara menyeluruh yang disorot melalui perasaan, keinginan, cara berfikir, cara bertindak dan lain-lain.

Terdapat watak utama, sampingan, protaginis dan antagonis.





Latar

Ruang, masa dan ketika sesuatu peristiwa itu berlaku iaitu latar tempat, latar masa dan latar masyarakat.

Sudut pandangan

Menjelaskan siapa yang mengisahkan cerita iaitu pusat pengisahan cerita dan berhubung rapat dengan watak.

Jenis Sudut Pandangan:


Sudut Pandangan Orang Pertama


Sudut Pandangan Orang Ketiga:

Sudut Pandangan Orang Ketiga Pencerita Objektif

Sudut Pandangan Orang Ketiga Pencerita Terbatas

Sudut Pandangan Orang Ketiga Pencerita Serba Tahu





Gaya bahasa (Cerpen dan Novel)


Secara umumnya terbahagi kepada 4 kategori:

Bahasa Perbandingan

Bahasa Sindiran

Bahasa Penegasan

Bahasa Pertentangan



Bahasa Perbandingan

i. Metafora – perbandingan yang mengandungi dua perkataan konkrit dan abstrak.
   - lautan kasih

ii. Simile – perbandingan yang menyamakan sesuatu dengan perkara / benda lain dengan menggunakan kata-kata seperti, bagai, macam, bak, umpama, laksana dan sebagainya.
   - putih gebu seperti kapas

iii. Personifikasi (perorangan) – perbandingan yang memberi sifat manusia kepada sesuatu objek.
   - Bulan tersenyum.

iv. Hiperbola – perbandingan yang melampau.
   - Air mata bercucuran membasahi bumi.

v. Simbolik - memindahkan sifat seseorang atau benda pada yang lain / melukis sesuatu dengan menggunakan benda lain sebagai lambang.

- Laut (unsur alam) melambangkan kehidupan
- Putih (warna) melambangkan kesucian
- Pagi (masa) melambangkan kehidupan baru

Bahasa Sindiran

i. Ironi - makna di sebaliknya.

- "Cantik sungguh lukisan kamu" (pelajar menconteng dinding/buku/meja).

ii. Sinisme - Sindiran atau ejekan kasar.

- Sakit telingaku mendengar suara itu.

iii. Sarkasme - Bahasa kiasan yang lebih kasar.

- Hai kucing kurap, keluar kau dari sini!

Bahasa Penegasan

i. Repitisi - pengulangan kata-kata dalam kalimat atau ayat.

ii. Paralelisme - pengulangan kata-kata di posisi yang sama.

a. Anafora (awal baris)

yang sayang
yang rindu
yang kasih
yang tak dilupakan sepanjang masa…….

b. Epifora (akhir baris)

"Kalau kau tak mahu dia pergi. Jika kau tak kehendaki dia akan pergi. Jikalau kau tak ingini dia pasti pergi…"

iii. Inversi - menggunakan pembalikan susunan kata dalam kalimat atau ayat.

- Kuih secebis cuma..

Bahasa Pertentangan

i. Paradoks - gaya bahasa yang mempertentangkan kata-kata dalam ayat. Satu keadaan atau suasana yang berlawanan.

- Senyum dalam tangis

TAJUK 11	APRESIASI TEKS SASTERA SEKOLAH RENDAH

11.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi penjelasan tentang drama dalam genre kesusasteraan Melayu daripada aspek struktur, fungsi dan bahasa dalam drama.

11.2 Hasil Pembelajaran

i. Menjelaskan ciri-ciri drama berserta contoh yang sesuai.

ii. Membincangkan jenis-jenis drama.

11.3 Drama

Dran maknanya melakukan atau melakonkan. Karangan berbentuk prosa dan puisi. Hidup yang ditampilkan dengan gerak (pergerakan) atau cerminan realiti hidup. Berdasarkan The American Colledge Dictionary: Karangan prosa dan puisi yang menyajikan dialog atau pantomim – cereka yang mengandungi konflik – untuk dipentaskan. Cabang sastera yang mengandung komposisi pelbagai seni dan memaparkan unsur dramatik. Setiap kejadian yang dirangkai dengan sebab akibat yang menarik serta dramatik.

Aristotle mengatakan bahawa drama suatu peniruan kehidupan, sebuah cermin budaya, suatu bayangan kebenaran. Plot merupakan penggerak utama. Drama terbina daripada tiga kesatuan:

- aksi
- tempat
- masa

Rahmah Bujang menjelaskan P&P drama secara tidak langsung membawa kepada berkenalan dengan kehidupan yang sebenar kerana drama


mempunyai nilai-nilai pendidikan, kewarganegaraan, kebudayaan dan kemasyarakatan di samping meningkatkan kemahiran bahasa.

Koh Boh Boon (1994) berpendapat bahawa:

> *Peristiwa dalam drama disampaikan secara langsung kepada pembaca seolah-olah pembaca sendiri menyaksikannya. Akibatnya, seseorang pembaca drama berkemungkinan besar lebih mudah terpengaruh oleh perkembangan cerita dalam sesebuah drama sehingga turut sama mengalami emosi watak-watak tersebut.*

11.4 Ciri-ciri Drama

- naskah dan lebih bertujuan untuk dipentaskan,
- berbentuk prosa atau puisi
- terdiri daripada dialog-dialog yang disusun melalui watak-watak yang diwujudkan. Pengarang menyampaikan pemikirannya melalui dialog watak-watak tersebut.
- Konflik menjadi unsur penting dalam drama - menggerakkan plot, iaitu ciri penting dalam sesebuah skrip drama. Sebuah skrip yang tidak didasari oleh konflik tidak boleh dianggap sebuah drama, sebaliknya hanya sebuah sketsa sahaja.
- Gaya bahasa dalam drama biasanya mengikut latar masa dan latar masyarakat yang diwakilinya. Ini bagi memastikan drama tersebut benar-benar mencerminkan sosiobudaya masyarakat yang digambarkan oleh pengarang.



Rajah 2: Drama dan Teater

11.5 Format Drama

i. Babak

Bahagian dalam drama yang boleh menjelaskan peristiwa yang berlaku dalam satu latar tempat dan masa.

ii. Adegan

Pecahan dalam sesuatu babak yang menjelaskan sesuatu peristiwa yang berlaku dalam latar tempat yang sama tetapi masa yang berbeza.

iii. Episod


Peristiwa yang lengkap dan boleh berdiri sendiri, biasanya digunakan dalam drama bersiri televisyen. Istilah episod amat jarang digunakan dalam drama pentas dan televisyen.



Peranan drama dalam membentuk insan (IREJ)



PELAJAR SEBAGAI PELAKON, PENONTON DAN PENCIPTA KARYA/PENILAI



11.6 Jenis Drama

- Tragedi : drama yang memaparkan kisah duka dan tragis.
- Komedi : drama yang bersifat lelucon dan menghiburkan. Drama yang memaparkan tema yang serius dalam bentuk lucu dan menggembirakan.
- Melodrama : drama yang bersifat sentimental dan ceritanya sering mendebarkan serta mengharukan.
- Farsa (*Farce*) drama yang bersifat komedi murahan atau konyolan. Drama begini hanya mementingkan hiburan ringan dan murahan sahaja.

i. Drama Duka (Tragedi)

- Drama serius, watak utama mengalami penderitaan kerana berpegang kepada suatu prinsip atau ideologi.
- Konflik terjadi akibat ketegasan sikap watak utama.
- Berakhir dengan duga nestapa.

ii. Drama Ria (Komedi)

- Bersifat humor.
- Diselit unsur sindiran dan pengajaran.
- Mengutarakan kisah-kisah ringan dan watak-watak kekok dalam serba serbi.
- Sifat-sifat watak : bodoh lurus, bodoh sombong, pelupa, peniru gaya orang lain.
- Menegur ragam sosial masyarakat tanpa menyinggung perasaan.

iii. Drama Dukaria (Tragikomedi)

- Menggabungkan aksi tragis dan humor menuju ke arah kecelakaan, kegagalan dan penderitaan tetapi berakhir dengan kebahagiaan.

iv. Drama Lirik

- Mengutarakan persoalan mengikut perasaan, pandangan hidup dan pegangan pengarang.
- Audiens perlu memahami atau mengetahui perwatakan pengarang.
- Biasanya memperlihatkan persamaan yang ketara dari segi sikap, sifat perjuangan dan pandangan hidup diri pengarang.

v. Melodrama

- Menitikberatkan kesan emosi dan sensasi terhadap audien.
- Kisah menyimpang daripada hakikat kehidupan.
- Sifat watak-watak ideal.
- Watak-watak lebih beraksi daripada berfikir, merasai atau mengalami sebarang konflik jiwa.

11.7 Contoh Drama Jangan Bunuh Rama-Rama

Karya Nordin Hassan

- Abstrak (maksud tersurat dan tersirat)
- Banyak menggunakan perlambangan
- Konsep teater “Fitrah” – mengajak ke jalan yang diredhai Allah dan meninggalkan kemungkaran
- Tema – keagamaan (taubat)

- Plot – episodik (beberapa kisah/cerita berdiri sendiri) – diikat oleh perjalanan Nur Atma

Cerita bermula dengan perarakan masuk para pelakon dan memperkenalkan diri masing-masing. Mereka bergerak dalam bentuk spiral dan membentuk bulatan. Nuratma berdiri di tempat tinggi – pada tiang sebatang (lambang Tuhan yang satu atau Yang Maha Esa). Masing-masing memperkenalkan diri. Bermula dengan Nuratma 1 dan Nuratma 2 yang mewakili sesiapa sahaja manusia di dunia ini sama ada tua atau muda, serta sama ada dalam kehidupan ini mereka sering bertanya pada diri sendiri atau berinteraksi dengan orang lain di persekitaran mereka untuk mencari diri sendiri.

Dalam perjalanan hidupnya, Nuratma bertemu pelbagai ragam manusia dan pelbagai pula pengalaman yang dialami, sebagai renungan dan pengajaran dalam hidupnya. Nuratma bertemu dengan Badut yang sedih dan kesal akan perbuatannya dulu. Badut pernah cuba menangkap seekor rama-rama yang kecil untuk memenuhi permintaan permaisuri yang dicintainya, tetapi merasa sangat aib (malu) apabila rama-rama kecil itu menyelamatkan dirinya daripada mati dalam kolam yang airnya sedang menggelegak.

Nuratma dan Badut bertemu pula dengan Juragan yang berselimut hitam sedang mencari hala tuju yang betul. Badut menyedarkan Juragan tentang kebesaran Allah dan Juragan diselimutkan dengan selimut putih. Juragan bahagia kerana menemui jalan yang dicarinya. Kemudian masuk pula Wak Kelentung yang marah kerana sekarang sudah ada dua imam. Wak Kelentung juga bercerita tentang kisah Mek Bongsu, anak peladang di kampung yang lupa daratan selepas hidup bersama saudagar. Mek Bongsu akhirnya insaf dan akhirnya menjadi pendakwah. Hidupnya juga bahagia.

Nuratma meneruskan perjalanan dan bertemu pula dengan askar dan orang tahanan. Mereka bersoal jawab tentang bangsa dan agama masing-masing dan akhirnya menyedari mereka dari satu bangsa dan satu agama. Mereka bertukar tempat dan merasakan penderitaan menjadi orang tahanan. Oleh itu mereka sedar bahawa tidak ada faedahnya bertelagah atau bermusuhan

sesama sendiri. Mereka akhirnya berpelukan dan berdamai. Alangkah bahagianya hidup tanpa sengketa dan peperangan.

Seterusnya masuk pula petapa yang mengeluh kerana telah bertahun-tahun dia bertapa tetapi embun rahmat belum juga tiba. Kelihatan seeorang perempuan buta meraba-raba mencari jalan, pada mulanya pertapa ingin membantu, tetapi apabila terlihat seorang perempuan cantik dan mengghairahkan, dia terus berpatah mengikut perempuan itu. Ini tandanya imannya belum teguh.

Akhir perjalanannya, Nuratma bertemu dengan Bidan Tok Mah yang membawa bayi dari Tanjung Puspa. Tok Mah bercerita tentang kisah dirinya yang berasal dari keturunan bangsawan. Tok Mah mengikut rombongan Peran yang membuat persembahan dari satu tempat ke satu tempat. Akhirnya mereka sampai di sebuah kampung yang penduduknya semua buta. Peran kasihan dan ingin membantu mereka dan dia membuat keputusan menetap di kampung itu. Pada suatu hari, hujan ribut turun tiga hari tiga malam tanpa henti. Banjir melanda dan Tok Mah sakit tenat, Peran hilang entah ke mana. Apabila keadaan reda, Tok Mah boleh jadi bomoh mengubat orang dan seluruh penduduk kampung itu tiba-tiba menjadi celek. Itulah kebesaran Tuhan.

Segala pengalaman dalam perjalanannya itu telah menginsafkan Nuratma dan menjadi satu pengalaman yang amat berguna kepadanya. Nuratma menemui apa yang dicarinya dan menginsafi kebesaran llahi. Dia memberitahu Bidan Tok Mah jika boleh dia ingin mohon untuk dilahirkan kembali, agar dia dapat memperbaiki segala kesilapan dan menjadi manusia yang paling beriman. Cerita diakhiri dengan perarakan masuk para pelakon Drama Jangan Bunuh Rama-Rama (JBRR).

TAJUK 12	APRESIASI TEKS SASTERA SEKOLAH RENDAH

12.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi penjelasan tentang puisi tradisional, iaitu pantun dan seloka. Kedua-dua puisi ini mempunyai struktur dan ciri bahasa yanag berbeza.

12.2 Hasil Pembelajaran

i. Menghuraikan gaya bahasa dalam pantun dengan jelas berserta contoh yang sesuai.

ii. Menghasilan pantun empat kerat yang bertemakan budi.

12.3 Pengenalan

Puisi sering dianggap objek yang kabur dan menakutkan. Banyak orang yang cuba menjelajahinya tersesat dalam rimba puisi yang gelap dan misteri itu. Namun, wajar diakui bahawa untuk menerokai daerah puisi, seseorang harus berbekalkan kematangan kata, kebijaksanaan makna dan kelunakan rasa. Sesungguhnya, apabila seseorang telah berupaya menerobos ruang makna sesebuah puisi, maka ia telah mencapai darjah kebahasaan tertinggi. Tidak ada lagi tingkat kebahasaan yang lebih tinggi selain bahasa puisi. Seserang pujangga yang mencipta puisi mengikut T.S. Eliot (1993) ialah “arkitek yang membina keindahan pengalaman dengan kecantikan bahasa secara bijaksana”.

Za’ba (1962:218) yang mendefinisikan puisi sebagai karangan berangkap, dilihat memberikan tafsiran yang agak umum dan kabur walaupun terdapat penegasan tentang konsep kecantikan puisi tersebut. Katanya:

> “Karangan berangkap itu khas dipakai untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah dan melukiskan kemanisan dan kecantikan bahasa.Maka, dengan gambaran yang cantik ini, perkara yang dikatakan itu bertambah menarik kepada hati orang yang mendengarnya.”

Struktur karangan berangkap yang dimaksudkan Za'ba merangkumi aspek susunan kata, rentak bunyi dan isi. Katanya:

> "Karangan berangkap itu ialah karangan yang disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat, dan di antara sekerat dengan sekerat itu biasanya berjodoh bunyinya atau rentaknya atau isinya, serta kebanyakannya memakai timbangan dan sukatan yang tertentu. Dalam perbahasan pengarang-pengarag cara baharu sekarang, karangan demikian disebut "puisi" (berlawanan dengan "prosa" iaitu karangan lurus sahaja).

Sebait puisi juga merupakan alunan rasa dalam kilasan imaginasi si penyajak seperti yang dikonsepkan oleh William Worsdworth (1988:4) iaitu "suatu pengucapan tentang perasaan ghairah yang imaginatif, biasanya berentak dan berlaku secara spontan dalam suasana tenang".

Sungguhpun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa puisi ialah ciptaan yang indah daripada aspek bentuk dan isi sehingga mendorong Samuel Taylor Coleridge (1988:4) menganggap puisi sebagai "*the best words in their best order*".

Kecantikan bentuk harus pula diharmoniskan oleh keutuhan makna dan keanjalan rasanya. Oleh sebab itu, Muhammad Haji Salleh (1988:10) melihat puisi sebagai "…bentuk sastera yang kental dengan muzik bahasa serta kebijaksanaan penyair dan tradisinya. Dalam segala sifat kekentalannya, puisi setelah dibaca akan menjadikan kita lebih bijaksana. Bukanlah puisi nama andainya ia tidak berupaya membijaksanakan pembaca."

Tanggapan beliau selari dengan pandangan Robert Frost (1988:54) yang menegaskan bahawa proses penikmatan puisi sebagai "it begins in delight and ends in wisdom."

V.I Braginsky (1994:2) pula menyatakan bahawa untuk menikmati karya sastera termasuk puisi, seseorang pembaca mungkin mencapai salah satu atau semua tiga tingkat sfera fungsional di bawah:

- Sfera mengharmonikan kekacauan kesan-kesan psikik / pengubatan psikik / psikoterpi jiwa / hiburan
- Sfera faedah / manfaat / alat penghayatan intelektual / cerminan didaktik

- Sfera kesempurnaan rohani / kamal / penghayatan intuitif berhubungan dengan Allah

Ralph Waldo Emerson (1988:6) pula berpandangan bahawa "puisi membawa makna sebanyak mungkin dalam kata-kata sedikit mungkin."

Bagi khalayak sastera Melayu, penggunaan istilah "puisi" masih agak baru. Mereka lebih sering menggunakan istilah "sajak". Oleh itu, Muhammad Hj Salleh (1988: 1-4) membezakan konsep sajak dan puisi. Mengikut beliau:

"Istilah sajak sekarang ini digunakan secara agak longgar dan sering disamaertikan dengan puisi. Tetapi, maknanya yang lebih tepat dan diterima di kalangan pengkaji kesusasteraan ialah bahawa sajak itu suatu bentuk moden yang lebih bebas dan seterusnya rangkapnya tidak terikat atau menyalin bentuk-bentuk tradisional seperti pantun dan syair dan membawa suasana serta pandangan hidup yang lebih moden."

Dalam hal ini, Muhammad Hj Salleh menegaskan bahawa sajak ialah karya ringan yang belum sampai ke peringkat sastera, sementara puisi ialah karya yang telah mencapai tahap tinggi dalam tema, bahasa dan teknik sehingga wajar digolongkan sebagai hasil sastera.

Sehubungan dengan itu, Harun Mat Piah (1989:1) berpendapat bahawa tiada satu definisi umum yang dapat diaplikasikan dengan tepat kepada konsep puisi seperti yang difahami oleh masyarakat kesusasteraan Melayu. Oleh itu, beliau berpegang pada tanggapan iaitu puisi sebagai satu bentuk pengucapan bahasa dalam susunan yang istimewa berbanding dengan pengucapan biasa seperti yang digunakan dalam pertuturan sehari-hari.

Jelaslah bahawa dari jurus mana pun, seseorang memandang puisi, hakikatnya sebagai satu bentuk genre kesusasteraan. Puisi merupakan manipulasi aksara yang terjelma daripada kesepaduan medan kata, medan makna dan medan rasa hasil proses kreatif imaginatif Sang Pujangga. Kerap kali puisi membawa bersamanya amanat budi rasa, budi fikir masyarakat yang digarap secara misterius religius. Hal ini sedikit sebanyak mengesahkan pendapat umum bahawa puisi ialah seni sastera yang aneh dan tak tentu.

12.4 Ciri-Ciri Puisi

Pada umumnya, puisi mempunyai ciri berikut:

(i) Memperlihatkan penggunaan bahasa yang lebih baik, ekspresif, kental, mengandungi nilai keindahan serta menimbulkan rangsangan dan kesan kepada pengalaman dan perasaan.

(ii) Mempunyai bentuk tertentu, berkerat-kerat atau berurutan dalam baris yang sejajar, sama ada berbentuk konvensional, berpola (bagi puisi tradisional) atau berbentuk bebas (bagi sajak).

(iii) Ungkapan kata dan bahasa dipengaruhi unsur muzik, lagu, intonasi, kadensa, rentak, irama dan keharmonian bunyi.

(iv) Baris, rima dan irama disusun membentuk pola atau ikatan tertentu (bagi puisi tradisional) atau tanpa ikatan pola tertentu (bagi sajak) yang dipengaruhi jumlah baris, jumlah perkataan, perseimbangan bunyi dan panjang-pendek perkataan.

(v) Bagi puisi tradisional, wujud pembahagian unit dalam penyataan idea, misalnya dua baris serangkap atau beberapa baris seuntai.

(vi) Digunakan dalam kehidupan masyarakat seharian untuk hiburan, keramaian, ritual, keagamaan, pengajaraan dan sebagainya. Puisi berfungsi juga sebagai pancaran pemikiran masyarakat zamannya.

(vii) Ada puisi tradisional yang dianggap suci dan berhubung rapat dengan sistem kepercayaan dan menjadi taboo bagi masyarakat tertentu, misalnya ungkapan Adat Pepatih.

(viii) Bahasa yang padat, kental mengandungi unsur perlambangan, imajan, kiasan dan perbandingan sama ada bersifat tradisional atau moden untuk menyatakan sesuatu dan melahirkan perasaan.

12.5 Jenis Puisi

Puisi, sebagai satu genre kesusasteraan, terbahagi kepada dua jenis utama iaitu puisi tradisional dan puisi moden iaitu sajak. Dalam teks Komponen Sastera

dalam Bahasa Melayu (Komsas), puisi tradisional mempunyai beberapa sub-jenis lagi. Sub-sub puisi tradisional adalah seperti yang berikut:

- Pantun
- Syair
- Gurindam
- Seloka

12.6 Mengenal Aspek Dasar Puisi

Untuk menghayati sesebuah karya puisi, sama ada puisi tradisional atau puisi moden, kita haru memahami beberapa istilah yang menjadi dasar kepada penghasilan sesebuah puisi itu. Isitilah tersebut termasuklah:

(i) Medan Makna
(ii) Medan Kata
(iii) Medan Rasa

(i) Medan Makna

Medan makna merujuk kepada perkara-perkara yang membantu menjelaskan gambaran idea penyair atau isi sesebuah puisi. Medan makna dapat diperincikan seperti yang berikut:

(a) Maksud (isi) : Gambaran idea yang terkandung dalam puisi.
(b) Tema : Inti atau isi pokok (persoalan pokok) yang hendak disampaikan oleh penyair.
(c) Peroalan: Isi-isi sampingan yang membentuk inti atau isi pokok.
(d) Perutusan / amanat / pengajaran / mesej: Gagasan nilai dalam idea puisi.
(e) Sikap dan perasan: penggunaan diksi atau ungkapan yang menggambarkan kesan emosi dan pemikiran penyair sewaktu menghasilkan puisi.
(f) Unsur nilai murni: Memahami nilai dan norma kehidupan untuk dteladani dan digunakan secara bijaksana.

(g) Sejarah genre: Memahami latar belakang perkembangan puisi.

(h) Biodata penyair: Pengetahuan tentang penyair, sejarah hidup, pengalaman, sumbangan dan himpunan karya untuk membantu pembaca lebih memahami karya serta menanamkan minat terhdap sastera.

(i) Penghasilan karya: Menghasilkan puisi secara terancang dan terbimbing mengikut prinsip penulisan kreatif.

(ii) Medan Kata (bahasa)

Medan kata merujuk kepada unsur-unsur serta gaya pemakaian bahasa sesebuah puisi. Ruang lingkup medan kata adalah seperti yang berikut:

(a) Diksi : Pemilihan dan penggunaan kata khusus secara puitis yang ditulis secara sedar untuk melahirkan kesan rasa dan makna dalam puisi. Diksi yang baik dinilai daripada aspek ketepatan, kemunasabahan, kejelasan dan keunikan.

Contohnya: berkerlipan bintang kejora

(b) Imej / citra alam: Gambaran atau tiruan bentuk atau objek alam yang tergambar dalam fikiran, dicipta atau digambarkan untuk menyatakan satu pengertian perasaan. Memindahkan pengertian konkrit kepada satu pengertian abstrak dengan menggunakan objek alam bagi menggambarkan kesan rasa dan makna.

Contoh: bulan, laut, bunga mawar, selasih, rama-rama, undan

(c) Kiasan: Kata atau ungkapan yang digunakan untuk menyatakan sesuatu dengan cara bersandarkan atau membandingkan sifanya dengan sesuatu yang lain agar pernyataan menjadi lebih jelas dan memberi kesan serta makna khusus. Mungkin dalam bentuk bandingan atau tanpa bandingan.

Contoh: pahit bagai hempedu; tinggi menggunung

(d) Rima: Persamaan gugus kata daripada segi vokal atau konsonan yang timbul pada awal, tengah, dan hujung baris puisi. Pengulangan bunyi

vokal atau konsonan pada susunan perkataan dalam sebaris puisi dikenali rima dalaman.

Contoh: sekuntum bunga biru

Pengulangan bunyi vokal atau konsonan pada hujung baris puisi dikenal sebagai rima luaran.

Contoh:

Sekuntum bunga biru
Yang luruh di penjuru itu
Adalah seorang aku
Yang merinduimu

(e) Aliterasi: Pengulangan bunyi konsonan dalam baris. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Kelam menyelubugi malam

a. Asonansi: Pengulangi bunyi vokal dalam baris. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Melangkah gadis menahan denyutan

(f) Rentak: Tingkahan tinggi-rendah, panjang-pendek, cepat-lambat suara sewaktu melafazkan puisi dan memberikan kesan perasaan terhadap suara pembaca.

(g) Jeda: Titik perhentian seketika, perlaihan atas nafas sewaktu melafazkan puisi, berguna untuk menimbulkan kesan tumpuan dan imaginasi terhadap bahasa dan muzik kata; ditandai dengan (,) atau (;).

Contoh:

Kalau nak gugur, gugurlah nangka,
Jangan menimpa si ranting pauh;
Kalau nak tidur, tidurlah mata,
Jangan terkenang orang yang jauh.

(h) Simili: Tamsil atau kiasan yang membandingkan dua objek yang mempunyai sifat dan nilai yang sama secara langsung, menggunakan perkataan bandingan. Contoh:

Berburu ke padang datar,

Dapat rusa berbelang kaki;

Berguru kepalang ajar,

Bagai bunga kembang tak jadi.

(i) Metafora: Kiasan atau analogi yang melambangkan sesuatu bagi sesuatu yang lain bagi menyarankan antara kedua-duanya terdapat kesamaan tanpa menggunakan kata bandingan.

Contoh: lautan kasih, gunung harapan, api kemarahan

(j) Personifikasi: Bandingan yang memberikan sifat manusia kepada benda, objek, binatang, idea atau hal-hal yang abstrak.

Contoh:

- Bulan tersenyum rawan
- Damai melambai senja
- Beburung bersiul girang

(k) Hiperbola: Kiasan dalam bentuk ungkapan yang menggambarkan sesuatu secara berlebihan, digunakan bagi menguatkan makna.

Contoh:

- perahu lilin layar kertas
- menyeberangi lautan api
- menggapai gunung nan tinggi

(l) Sinkof: Singkatan kata untuk mempercepat rentak bahasa atau merendahkan perasaan / emosi. Contoh: ku, mu, tak, dah

(m) Inversi: Pembalikan kata untuk menguatkan kesan rasa terhadap sesuatu.

Contoh:

Akan kupinta / buih-buih,

Menjadi tali mengikatmu

Akan kuanyam gelombang-gelombang,

Menjadi hamparan ranjang tidurmu.

(n) Anafora: Ulangan perkataan atau frasa yang sama pada awal baris dalam dua baris atau lebih. Contoh:

Aku cinta padamu laut
Aku sayang padamu camar
Aku rindu padamu kedamaian

(o) Epifora: Ulangan perkataan atau frasa yang sama pada akhir baris bagi dua baris atau lebih. Contoh:

Sekuntun bunga *biru*
Sehampar laut *biru*

(p) Imejan: Puisi yang mengandungi banyak perkataan yang menggambarkan objek atau perlakuan yang membentuk simbol, lambang atau kod untuk menggambarkan sikap dan perasaan penyair. Contoh:

Segar angin laut
Mengembalikan rindunya pada kolek
Bagi buih kecil

(angin, laut, kolek, buih kecil – imej kepada kehidupan nelayan yang miskin)

(q) Nada: Sikap pengarang terhadap objek atau ideanya, mungkin bercorak romantis, melakolis, patriotis, sinis, dan lain-lain. Dalam puisi, nada lahir daripada gabungan atau variasi unsur diksi, rima, aliterasi, asonansi, imejan dan simbol. Contohnya, sajak “Keindahan yang Hilang (Kerusi halaman 15) bernada sedih dan melankolis.

(iii) Medan Rasa

Aspek-aspek yang berkaitan dengan teknik penciptaan puisi yang mempengaruhi pengucapan dan perasaan penyair atau pembaca.

(a) Bentuk (*form*): susunan luaran puisi yang merangkumi jumlah kata, suku kata, baris, bait, skima rima dan pembahagian unit (misalnya pembayang dan maksud bagi pantun).

(b) Struktur / binaan (*structure*): susunan dalaman puisi seperti perkaitan antara pembayang dan maksud pantun, perkaitan antara anak kalimat dan induk kalimat dalam gurindam dan seloka.

(c) Timbangan (suku kata, kata, baris, rangkap, visual, skima rima): ciri dan sifat yang menentukan keharmonian pengucapan kata atau bahasa puisi.

(d) Ciri dan sifat: Aspek-aspek khusus yang menjelaskan puisi-puisi berlainan. Biasanya dilihat daripada aspek bentuk, bahasa, isi dan fungsi.

(e) Perbandingan bentuk: Membandingkan perbezaan dan persamaan antara puisi berlainan daripada aspek bentuk, bahasa, isi dan lain-lain.

Sesungguhnya puisi (sama ada tradisional mahupun moden) merupakan pancaran akal budi masyarakat pada sepanjang zaman. Penghayatan puisi membolehkan kita mencungkil rahsia peribadi manusia, bangsa dan ketamadunan wilayah yang melahirkannya.

12.7 Pantun

Pendahuluan

Pantun ialah kaedah rangkapan yang tertua dan memang asal kepunyaan Melayu betul (1961). Semenjak orang Melayu belum tahu surat-menyurat pun mereka telah pandai berpantun dan biasa berbalas-balas pantun antara mereka. Penciptaannya terkandung dalam dua rangkap, empat rangkap, enam rangkap, lapan rangkap, dua belas rangkap dan pantun berkait. Dalam apa juga bentuk fizikalnya pantun merupakan pengungkapan yang mengandungi unsur pembayang maksud dan maksud.

Penciptaan Pantun

Sastera Melayu di Malaysia dihasilkan oleh pengarang-pengarang yang kehidupan dan pemikiran mereka dibentuk dan dipengaruhi oleh alam sekitar dan kepercayaan yang dianuti oleh mereka. Dalam konteks orang Melayu di

Malaysia, kepercayaan terhadap Allah ialah kepercayaan yang mutlak bagi mereka untuk mengabdikan diri mereka kepada Allah s.w.t. Kenyataan ini dapat dilihat daripada penggunaan unsur alam dan kepercayaan kepada Allah s.w.t di dalam penyampaian mesej puisi (termasuk pantun). Unsur alam merujuk kepada elemen-elemen alam fizikal atau alam nyata (inderawi) yang dapat dilihat, didengar, disentuh dan dirasai melalui pancaindera manusia. Alam fizikal ini merupakan satu lapisan dari seluruh alam. Lapisan yang lain ialah alam metafizikal yang merupakan lapisan atau bahagian alam yang tidak terlihat oleh mata kasar manusia. Fenomena ini biasanya disebut sebagai alam ghaib, iaitu bahagian alam yang sepenuhnya berada di dalam kelebihan ilmu Allah s.w.t (2006).

Unsur Alam dalam Pantun

Sebagaimana yang dijelaskan dalam perenggan terdahulu, *unsur alam* ialah segala-gala yang boleh (berupaya) dilihat, didengar, dan dirasai (dengan deria sentuh dan perasaan) oleh insan dan makhluk yang lain. Maksud *boleh* pula ialah, manusia boleh membuat sesuatu berdasarkan kuderat dan kerelevanan pancaindera yang dimiliki oleh manusia. Mereka yang cacat, mungkin tidak boleh mendengar, melihat, dan merasai seperti mereka yang normal. Namun, kita jangan lupa, bahawa mereka yang cacat [penglihatan] mungkin lebih tajam daya imiginasi mereka berbanding dengan kita yang normal.

Hal inilah yang dikatakan bahawa mata hati mereka (yang cacat penglihatan) lebih tajam derianya (perasaan) daripada manusia yang normal. Mereka dapat bermonolog dan bermeditasi dengan daya imiginasi yang lebih ampuh jika dibandingkan dengan mereka yang normal penglihatannya. Begitu juga yang cacat pendengaran, mungkin daya agakan mereka lebih tajam, iaitu seumpama lintah di dalam air yang tajam pendengaran lalu hanya dengan melalui riak dan getaran air, si lintah akan datang kepada objek yang menyebabkan kocakan atau riakan air itu. Demikian juga rasa sentuhan, deria sentuh dan rasa (perasaan). Yang cacat pendengaran dan penglihatan mungkin lebih tajam daya rasa dan perasaan berbanding dengan insan yang normal.

Selaku manusia yang normal, kita amat bertuah kerana dengan kenormalan itu kita dapat mencetuskan idea bagi menghasilkan puisi yang baik. Oleh itu, penggunaan unsur alam akan dilihat lebih membawa makna yang lebih dari sekadar maknanya yang harfiah. Unsur ini perlu ditafsir bagi menghayati makna yang sebenar. Tuntutan untuk melaksanakan tafsiran bagi menemukan makna ini memberi implikasi bahawa kesusasteraan memiliki sifat zahir dan batin atau yang tersurat dan yang tersirat (Hashim Awang, 2002). Muhamad Haji Salleh (1999), memberi pandangan bahawa manusia Melayu membaca dan mentafsir kejadian alam untuk memahami sesuatu yang telah berlaku atau sesuatu yang akan berlaku (ramalan). Alam sering dilihat seperti mengetahui perasaan manusia dan menyebelahinya dalam menyediakan tanda, memberi peringatan atau pun merayakan sesuatu peristiwa dan keadaan. Alam membayangkan kebenaran. Maka bayangan ini selalu dicari oleh pemikir dan pengarang untuk dipindahkan ke dalam karya mereka. Misalnya, unggas atau ayam akan berbunyi menandakan sesuatu (seperti manusia dan bukan manusia) akan datang dan terbit waktu fajar pada waktu subuh.

Mengikut Za'ba (1934) perlambangan atau teknik yang sengaja menyamarkan citra dan makna adalah salah satu teknik utama sastera Melayu yang bukan sahaja digunakan dalam pantun tetapi juga dalam naratif yang lain. Menurut pendapat Pendeta ini, hal ini demikian kerana dalam pemikiran sastera, sekurang-kurangnya pantun, hikayat dan beberapa bentuk yang berkaitan, sesuatu yang lebih misterius. Oleh itu, segala-galanya akan lebih mencabar akal fikiran khalayaknya.

Unsur-unsur Lain dalam Pantun

Menurut kajian, selain pencernaan pemikiran melalui alam sekitar dan persekitaran, penyair Melayu Islam yang lama (2006) menggunakan sumber yang lebih autentik dan jelas, iaitu melalui pengajaran-pengajaran yang terdapat dalam al-Quran. Karangan mereka lebih bersifat falsafah dan pemikiran. Salah satu contoh yang baik ialah Syair Ma'rifat karya Syeikh Abdul Rauf al-Singkel, seperti contoh yang berikut:

Baik-baik tuan menerima
Kepada pohon ialah seumpama
Daun dan buah tiada sama
Masing-masing berlain-lain nama
Sebiji kelapa ibarat sama
Lafaznya empat suatu makna
Di situlah banyak orang terkena
Sebab pendapat kurang sempurna

Kulitnya itu ibarat syariat
Tempurungnya itu ibarat tarekat
Isinya itu ibarat hakikat
Minyaknya itu ibarat makrifat

Jikalau kita amat-amati syair Ma'rifat baris demi baris, unsur alam, iaitu pokok kelapa digunakan secara terperinci untuk menggambarkan konsepsi agama seperti tarekat dan makrifat. Demikian juga jika kita biasa mendengar bait-bait lagu nasyid yang antara lainnya berbunyi seperti yang berikut:

Walaupun hidup seribu tahun
Kalau tak sembahyang, apa gunanya?

Mukadimah yang di atas dan beberapa sub topik yang berikutnya bukanlah tujuan kertas kerja ini disediakan. Pengenalan yang diberi di atas bertujuan supaya pembaca memahami asal-usul terciptanya karya puisi yang di dalamnya termasuklah pantun. Oleh yang demikian, perhatian pemakalah ditumpukan kepada kaedah atau cara (definisi yang diskopkan pemakalah) pantun dicipta oleh pengkaryanya.

Kaedah Penciptaan Pantun

Pelbagai kaedah pantun boleh dicipta oleh pengkarya. Sebelum pemakalah menerangkan penciptaan pantun, elok rasanya pemakalah kaitkan perbincangan ini dengan sumber yang menjadi ilham bagaimana pantun dicipta.

i. Pengamatan Unsur Alam

Unsur alam amat banyak. Semua unsur ada di sekeliling manusia (manusia juga adalah salah satu unsur alam). Unsur alam yang dimaksudkan ialah manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, flora dan fauna, serangga, unggas, batu-batan, laut, sungai, tasik, teluk, karangan laut, dedaun, rumpai, bunyi benda hidup dan benda tidak hidup, kematian, peperangan, pelangi, warna, ombak, gelombang, pasir, denai, jalan, jalan raya, lebuh raya, lorong, perahu, kapal, lancang, anign, pulau, arah, utara, selatan, timar, barat, sampan, dan sebagainya. Setelah mengamat-amati unsur yang sedemikian, kita susun supaya menjadi ayat (bait / baris) dengan ikatan atau satuan yang kukuh dan bermakna serta munasabah. Contoh;

Lancang pilan dari selatan,
Angin bertiup dari utara;
Hilang pulau lenyap daratan,
Namun laut berombak juga.

a) Unsur alam: Lancang pilan (nama sejenis lancang / perahu), selatan, angin, utara, pulau, daratan, laut, dan ombak.

b) Ikatan / satuan / kohesi pembayang maksud: lancang pilan didayung dari arah selatan tetapi terpaksa menempuh angin yang datang dari utara. Hal ini memungkinkan pelayaran yang sukar dan pelayar mungkin dipukul ombak yang besar!

c) Ikatan / satuan / kohesi maksud: Jika ditakdirkan pulau tiada dan daratan lenyap, ombak dilaut akan tetap beralun juga.

d) Maksud tersirat: Untuk menunjukkan kekuasaan dan kebesaran Allah, kita kena yakin bahawa laut adalah satu daripada ciptaan Allah yang amat kita kagumi. Hal ini dapat dilihat betapa tidak

pernah di mana-mana laut pun ombaknya berhenti daripada menghempaskan dirinya di pantai. Atau laut tetap kukuh, teguh, dan kekal hingga hari kiamat!

e) Konstruk Pantun: Jumlah suku kata yang terdapat dalam baris pertama 9, baris kedua 10, baris ketiga 9, dan baris keempat 9 suku kata. Jumlah suku kata yang sebegini dianggap baik dan sesuai untuk ekspresikan oleh pemantun.

f) Pantun Melayu Merealisasikan Pemikiran (penjelasan) Maksud

Pemikiran yang terdapat dalam baris ketiga dan keempat adalah untuk menunjukkan betapa laut adalah ciptaan Allah yang amat hebat. Namun, jika diandaikan pulau di tengah laut hilang dan darat lenyap daripada kelompok tertentu, ombak yang setiap saat memukul pantai pasti ada, selagi bumi ini berpusing dan berpusing mengelilingi matahari.

g) Pembayang maksud

Pemikiran yang terdapat dalam pembayang maksud adalah dalam dua baris awal pantun empat kerat. Pemikiran yang ingin disampaikan oleh pemantun ialah fenomenon alam yang dimanfaatkan oleh manusia dengan membuat pelayaran di laut arah ke selatan. Namun, akibat daripada kealpaan manusia yang tidak tahu meramal apa-apa, maka angin dari utara pula yang akan memberi cabaran serta kemungkinan juga pelayaran itu akan menerima musibah.

h) Perkaitan wacana: dalam pembayang dan maksud

Untuk mencipta pantun, si pemantun haruslah memikirkan aspek wacana dan kemanusabahan semantik atau erti. Maksud pemakalah ialah si pemantun harus memikirkan urutan atau rentetan atau tautan cerita atau hal atau fakta yang terdapat dalam baris pertama dan kedua yang juga berfungsi sebagai pembayang maksud (2006). Hal ini terkecuali jika si pemantun ingin memikirkan makna yang tersirat atau makna berlapis atau sindiran

kepada pendengarnya. Sila perhatikan contoh pantun yang berikut:

Pohon beringin daunnya hijau,
Pucuk petola diselak-selak;
Hati ingin hendak ke pulau,
Biduk ada pendayung tidak.
(Zainal Abidin Bakar, 1984: 179)

Jika kita teliti dari aspek wacana, pantun yang diambil perkataan yang menggunakan unsur alam ini wujud wacana dalam baris pertama, iaitu pohon atau pokok beringin, sejenis spesis pokok yang besar dan mempunyai daun yang hijau kerana pokok ini hidup dalam iklim khatulistiwa. Kaitan baris pertama dengan baris kedua seolah-olahnya tiada. Namun jika difikirkan asasnya, iaitu unsur alam, maka pemantun telah dapat memikirkannya dari sudut tumbuhan yang pelbagai tetapi digunakan contoh yang lain pula, iaitu pokok petola yang sifatnya menjalar, berdaun separa tua, dan berpucuk muda. Sudah pastilah daun pada peringkat pucuk lebih lembut dan mudah untuk diselak. Yang pasti ialah perbuatan menyelak itu manusabah dilakukan (oleh manusia) kerana pokok petola biasanya melilit pada panggarnya dan mudah dicapai oleh si penanamnya. Oleh itu, daun petola yang muda mudah di selak-selak dan berkemungkinan si penanamnya ingin memeriksa daun petola sama ada terdapat ulat daun atau pun tidak.

Daripada aspek inilah yang dikatakan oleh pemakalah bahawa wacana telah wujud dan kemanusabahan makna terjelma. Ringkasnya, wacana dalam baris pertama dan kedua dapat dibentuk. Wacana dalam baris keitga dan keempat tidak dapat dipertikaikan kerana baris ini merupakan maksud pantun yang menekankan aspirasi si pemantun, iaitu ingin menyatakan cita-cita hidupnya tetapi tidak tercapai akibat daripada ketidakcukupan syarat dan sebagainya. Aspek ini mungkin di sebaliknya jika kita teliti pantun yang berikut:

Anak Cina bermain congkak,
Anak Siam menunggang kuda;
Aku ketawa giginya rongak,
Berkahwin pula dengan si tua.

Mari kita fikirkan aspek wacananya. Saya berpendapat dalam baris pertama, wacana budayanya meleset sama sekali! Hal ini demikian kerana kebiasaannya anak kaum Cina tidak bermain congkak. Mereka mungkin bermain gendang Cina – maksudnya, wacana seperti ini tidak mempunyai perkaitan dengan realtiti hidup dan budaya. Fakta inilah yang merencatkan binaan dan penciptaan pantun. Baris kedua demikian juga, iaitu anak bangsa Siam biasanya tidak biasa (lumrah) menunggang kuda. Yang biasa ialah mereka menunggang gajah. Jadi, pada pendapat pemakalah, baris pertama dan kedua selain tidak mempunyai kohesi, masing-masing dalam setiap baris juga tidak berkohesi antara baris. Jika kita teliti baris ketiga dan keempat pula, mungkin baris ketiga boleh diterima sebagai jenaka tetapi kaitan yang tipis antara gigi yang rongak dengan rasa terlalu geli hati apabila mendapati yang rongak (sama lelaki atau wanita) berkahwin dengan pasangan yang tua.

Aspek ini perlu diamat-amati oleh pemantun supaya pantun yang merupakan milik budaya Melayu ini tetap terpelihara nilai estetika, wacana dan kemanusabahan maknanya. Sila teliti pula pantun yang berikut:

Aur ditanam betung yang tumbuh,
Diparang oleh anak Cik Siti;
Kalau hati sesama teguh,
Kering lautan kita nanti. (2001: 379)

Kalau tuan mudik ke hulu,
Belikan saya ulam pegaga;
Kalau tuan mati dahulu,
Nantikan saya di pintu syurga. (2001: 411)

Buah berangan dari Palembang,
Dijual budak dalam kota;
Jangan tuan berhati bimbang,
Saya tidak berubah kata. (2001: 383)

Berdasarkan pantun di atas, bagaimanakah wacana dan kemanusabahan maknanya?

i) Rima pantun dan diksi

Rima, sebagaimana yang kita maklumi ialah bunyi yang sama pada huruf akhir atau suku kata akhir dalam sesuatu rangkap. Dalam penciptaan pantun, rima bukan sahaja terjelma pada suku kata akhir bagi baris pertama dengan ketiga dan baris kedua dengan baris keempat; tetapi juga pada bahagian tengah (perkataan kedua) dalam baris pertama dengan baris ketiga dan pada bahagian tengah (perkataan kedua) dalam baris kedua dengan baris keempat. Maksud pemakalah ialah bentuk *ab; ab.* Tidak seperti syair, bentuk rimanya *aaaa.* Di samping memikirkan rima, penciptanya juga mestilah memikirkan diksi atau pemilihan kata yang akan digunakan. Hal ini ada kaitan dengan perbincangan kita terlebih awal seperti dalam para 1.7 di atas. Perhatikan pantun yang berikut:

Kalau tu*an* mudik ke hu*lu*,
Belikan sa*ya* ulam pega*ga*;
Kalau tu*an* mati dahu*lu*,
Nantikan sa*ya* di pintu syur*ga*. (2001: 411a)

Buah berang*an* dari Palem*bang*,
Dijual bud*ak* dalam ko*ta*;
Jangan tu*an* berhati bim*bang*,
Saya tid*ak* berubah ka*ta*. (2001: 383a)

Jika diteliti rima yang dicetak tebal bagi pantun (2001: 411a) dan 2001: 383a), rima bagi perkataan kedua pada kedudukan baris pertama dan pada perkataan keempat dalam baris yang pertama sama dengan rima

yang terdapat dalam baris ketiga. Begitu juga, rima dalam baris kedua sama dengan baris keempat. Aspek inilah yang menunjukkan kesenian dan nilai estetika dalam penciptaan pantun Melayu. Namun demikian, menurut Pendeta Za'ba (1962: 225) fasal pertentangan bunyi tidaklah semestinya berkehendakkan sama betul satu huruf seperti "nah" mesti dengan "nah" juga. Malahan, jika "nah" dengan "ngah" pun boleh juga asalkan seakan-akan serta sama huruf akhirnya. Dalam pada itu, jika dapat yang sama serupa betul lagi baik.

j) Kaedah Mengujarkan Pantun

Dalam majlis nyanyian dondang sayang dan majlis berbalas pantun yang tidak mempunyai teks umpamanya, jawapan pantun secara spontan memerlukan daya fikir yang tajam dan pantas. Pada Hemat pemakalah, aspek inilah yang menentukan kebijaksanaan mereka yang berbalas-balas kata dalam bentuk berpantun. Usaha ini bukanlah suatu yang mudah! Oleh yang demikian, saya cadangkan langkah-langkah yang berikut supaya jawapan balas daripada penjual dapat dibeli dengan tepat, kemas, dan menarik (kecuali pantun kabur/sindiran/dan mempunyai erti yang berlapis-lapis).

i) Si pembeli haruslah menumpukan sepenuh perhatian pada maksud yang ingin ditanya atau dijual oleh si penjual. Selepas mendengar dan memahamimnya, si pembeli harus menyediakan jawapan atau menyediakan baris ketiga dan keempat. Selepas itu, barulah dicari pembayang maksud dengan menggunakan unsur alam yang saya maksudkan dalam para 1 dan 1.1.

ii) Si pembeli mestilah sentiasa bertenang.

iii) Masukkan unsur humor atau lelucon, contohnya seperti pantun yang berikut:

Menengok kera dipeluk anjing
Banyak kijang berjalan turun;
Menengok orang tua duduk bersanding,
Banyaklah bujang meminum racun. (2001: xiviii)

iv) Jika ada had masa yang ditetapkan (untuk menjawab), sila patuhi masa yang diperuntukkan itu.

v) Sila ujarkan pantun dengan nada yang betul (bahagian ini akan disentuh kemudian).

vi) Kekreatifan pemantun bergantung kepada kebolehan individu. Kadang-kala kekreatifan ini bersifat semula jadi tetapi boleh dipelajari.

k) Keindahan bahasa

Keindahan pantun secara umumnya terkandung nilai-nilai keindahan visual sebagai ciri kepada pantun-pantun yang dianggap baik dan tipikal seperti yang berikut:

Sebagai puisi konvensional, pantun terdapat dalam keadaan berpasangan dan berangkap, daripada dua, empat, enam, dan seterusnya; tetapi umumnya dalam empat larik serangkap, empat kata dasar selarik. Jika perkataan dalam larik mempunyai imbuhan, suku kata fungsional disarankan supaya berjumlah lapan hingga dua belas suku kata (SK). Di samping itu, terdapat kelainan atau variasi dari segi jumlah kata selarik dan jumlah larik serangkap. Terdapat juga pantun dengan dua, tiga, atau lima perkataan selarik, dan mungkin lima, enam, atau tujuh larik serangkap; misalnya dalam contoh-contoh pantun berkait, khususnya daripada tradisi rejang dan mantera.

Dari segi rima, pantun mengekalkan pola rima *a*-*b*-*a*-*b* pada kedudukan akhir; mungkin terdapat rima dalaman, malah rima pada setiap perkataan dalam kedudukan sejajar; dan sebaik-baiknya, dalam semua kedudukan tergolong rima sempurna. Di samping itu, terdapat variasi rima dalam pola *a*-*a*-*a*-*a* seperti syair; malah mungkin serima

(monorhyme) apabila rangkap-rangkap pantun tersebut berada dalam kedudukan berurutan.

Pantun yang indah terbahagi kepada dua unit; iaitu unit pembayang atau sampiran dan unit maksud; dan sebaik-baiknya memperlihatkan hubungan makna antara kedua-dua bahagian tersebut, baik hubungan langsung mahupun hubungan simbolis, iaitu melalui penggunaan unsur-unsur simbolisme.

Terdapat penggunaan perlambangan yang segar dan berkesan, baik yang bersifat konkrit mahu pun abstrak. Perlembangan yang bersifat konkrit biasanya yang boleh dirasai melalui pancaindera sementara yang abstrak adalah melalui pemikiran dan pengalaman. Terdapat unsur-unsur retorik; teknik, keindahan yang terbina melalui penggunaan majaz, termasuk metafora, simili, personafikasi, ironi, hiperbola, metonimi dan lain-lain.

Terdapat unsur-unsur perulangan, baik dalam bentuk sejajar mahupun tidak, sesuai dengan ciri-ciri bahasa Melayu sebagai bahasa Nusantara; antaranya termasuklah fora, epifora, simplok, responsi, pengulangan kata akhir, asonansi, aliterasi, ajuk bunyi, dan lain-lain. Unsur-unsur perulangan ini umumnya terdapat secara tabii, sesuai dengan sistem bunyi, prosodi, dan eufoni bahasa Melayu; yang dibuat secara sedar untuk kepentingan rima dan lain-lain unsur diksi.

Pemantun juga harus memikirkan kepanjangan kalimat, pantun pada umumnya terdiri dariapda empat kata dasar selarik, dengan jumlah suku kata 8 – 11 suku kata (ini termasuk penggunaan imbuhan dan kata-kata fungsional). Yang berikut dipetik beberapa contoh secara rawak bersama huraian yang relevan, khususnya pada aspek penggunaan alat-alat estetika yang dinyatakan di atas (2001: ixv – ixx). Aspek perulangan sejajar, anafora, epifora, responsi, ulangan kata akhir dan rima:

Air yang dalam bertambah dalam,
Hujan di hulu belumlah teduh;
Hati yang dendam bertambah dendam,

Dendam dahulu belumlah sembuh.

Bahagian pembayang hendaklah menggambarkan sesuatu keindahan alam sekeliling seperti warna yang cantik, bau yang wangi, bunyi yang sedap, daun-daun-daun, bunga-bunga, burung-burung, dan awan. Maksudnya hendaklah cantik dan ringkas tetapi mengandungi tujuan yang luas atau susunan kata yang menarik hati. Jika digunakan bahasa kias ibarat, pantun akan menjadi lebih menarik lagi.

Jika boleh, masing-masing baris (perkataan) yang berjodoh itu hendaklah ada sekurang-kurang dua perkataan yang bertentang bunyi, dan kedudukan perkataan itu hendaklah bersetentang tempat yang betul dengan jodohnya, seperti *gaharu* dan *cendana, tahu* dengan *bertanya* dan sebagainya.

l) Pengamatan Audien

Pemantun yang baik ialah pemantun yang dapat mengamat-amati penonton yang menjadi pendengar atau khalayak. Sebagai contoh mungkin pantun retorika dan kasih sayang sesuai dengan audiennya muda. Contoh:

Layang-layang terbang melayang,
Sambung tali sambung benang;
Siapa bilang tiada sayang,
Siang malam terkenang-kenang. (2005: 184)

Layang-layang terbang melayang,
Tingginya sampai menyapu awam,
Siapa bilang abang tak sayang
Hati rindu bercampur rawan. (2005: 184)

Keris sempana Ganja Iras,
Bisanya empat puluh hari,
Ke mana panglima muda berhias,

Menegak adil membela diri. (2005: 642)

Pergi ke kedai membeli arang,
Bawa ke dapur memasak kerang,
Apa guna harimau garang,
Kalau tidak memakan orang. (2005: 644)

m) Kaedah Melafazkan Pantun

Pantun berasal dari daerah Nusantara. Maksudnya, pantun tidak berasaskan sumber asing seperti India, China, atau Jawa. Pantun adalah milik orang Melayu, dihasilkan oleh manusia Melayu dan mencerminkan peribadi, nilai, dan minda Melayu. Pantun juga terdapat dalam kebanyakan masyarakat peribumi di seluruh Kepaulauan Melayu, termasuk Selatan Filipina, juga di luar Dunia Melayu seperti Sri Lanka dan Wilayah Thai Selatan (Kajian Zakiah Hanum 1996: 183 dlm. Karya Agung: Bingkisan Permata, 2001: iix). Oleh yang demikian, cara penyampaian pantun atau cara pengekspresiannya juga dengan cara yang kemelayuan atau sekurang-kurangnya kenusantaraan. Maksud pemakalah adalah seperti subtopik yang berikut:

n) Mimik muka

Oleh sebab pantun khazanah Melayu yang betul (Pendeta Za'ba), maka semasa berpoantun, disyorkan si pemantun hendak bermanis muka, ceria, dan menunjukkan lambang insan yang tenang, berlapang dada, besahaja, dan tidak menggambarkan kegementaran, kekusutan, kesombongan, keangkuhan, dan keegoaan. Sukar bagi saya menggambarkan mimik muka yang sedemikian. Namun demikian, pelakuan (mimik muka) boleh kita praktikkan jika kita mengamalkan cara pertuturan yang biasa dan tahu adat istiadat Melayu semasa bertutur dan mengeluarkan pendapat.

o) Nada suara

Bunyi dalam setiap baris pantun dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu lembut (rendah) dan keras (tinggi). Segala bunyi yang kedua (suku kata yang akhir bagi setiap perkataan diujarkan dengan nada suara yang tinggi atau keras (1961: 225 – 227). Suku kata yang lain diujarkan dengan lembut. Berdasarkan pendapat dan cara ini, pantun yang diucapkan itu dapat dihayati oleh pemantun dan pendengar.

Sila teliti contoh pantun-pantun yang berikut:

Anak merbah terlompat-lompat
Anak indong ketitiran
Yang *dile*lah ti*ada* da*pat*
Yang *di*ken*dong* ber*ciciran.*

Tu*ai* pa*di* an*tara ma*sak
Esok jangan layu-*layuan*
In*tai* kami *anta*ra *nam*pak
E*sok* ja*ngan rindu-rindu*an

Semua suku kata yang dicetak tebal dan mereng hendaklah ditinggikan nada suara apabila diujarkan. Suku kata yang dicetak biasa hendaklah dilembutkan (nada rendah) suara apabila diujarkan. Demikian juga pantun enam kerat atau lapan kerat, pengujarannya sama seperti penyebutan pantun empat kerat walaupun pantun enam dan lapan kerat kurang diminati oleh pemantun kerana maksudnya memerlukan masa yang lebih panjang untuk difahami. Contoh:

Nyior gading tinggi menjulang,
Masak ketupat berisi inti,
Buah delima di dalam cawan;
Hancur daging berkecai tulang,
Belum dapat belum berhenti,
Hendak bersama denganmu tuan.

Apa diharap padi seberang,
Entah berderai entahkan tidak,
Entah dimakan pipit melayang;
Apa diharap kekasih orang?
Entak bercerai entahkan tidak,
Entah makin bertambah sayang.

Bagi dua rangkap pantun enam kerat di atas, semua baris, iaitu baris keempat, kelima, dan keenam (yang bercetak tebal dan mereng) ialah maksud pantun. Sebagaimana yang dinyatakan, pantun ini walaupun lebih terinci tetapi penghuraian maksudnya lebih panjang. Oleh yang demikian, pantun enam kerat, lapan kerat dan dua belas kerat kurang digemari oleh pemantun kerana lebih lama untuk memainkan nada suara, tinggi dan rendah apabila diujarkan.

p) Bahasa badan

Bahasa badan atau *body language* amat sesuai dipraktikkan apabila seseorang berpantun. Hal ini demikian kerana si pemantun akan dapat menggunakan segala kekuatan suara *(to express)* semasa pantun diujarkan. Bahasa badan yang tidak berlebihan *(over acting)* adalah digalakkan. Hal ini ada signifikannya dalam penyampaian pantun secara lisan. Pantun yang disampaikan hanya sekadar pernyataan maksud secara berangkap. Oleh itu, jika bahasa badan digunakan secara berlebihan, unsur lakonan pula akan disebatikan dalam pengujaran pantun. Pada hemat saya, aksi yang sebegini kurang sesuai.

Lebih-lebih lagi, apabila kita kaitkan ujaran pantun dengan unsur budaya, betapa lemah lembut orang Melayu berbicara, maka unsur kelemahlembutan ini perlu diamalkan semasa kita berpantun; sekadar mengangkat tangan pada tempat (pembayang dan maksud) yang sesuai dengan sopan. Pelakuan ini boleh disekalikan dengan kerut muka, pandangan, kelipan, dan jelingan mata. Jika yang berpantun seorang wanita pelakuan seperti ini akan memukau khalayak yang menghayatinya.

Contoh:

Baris-baris pantun	Cadangan Bahasa Badan
Apa guna pasang pelita (?)	-tunjukkan pergerakan tangan kanan [tanda tanya] [muka tepat dihalakan kepada pendengar] [mata dengan pandangan biasa]
Kalau tidak dengan sumbunya	-aksi biasa dengan menunjukkan tapak tangan kanan kepada pendengar [muka tepat dihalakan kepada pendengar] [muka kehairanan]
Apa guna bermain mata	-halakan jari ke arah mata sendiri [tanda tanya] [muka kehairanan]
Kalau tidak dengan sungguhnya	-aksi biasa tetapi menunjukkan rasa tidak berpuas hati.

Rumusan

Pantun satu-satunya khazanah bahasa dan budaya Melayu yang indah yang tidak dimiliki oleh bangsa selain bangsa dalam rumpun Melayu. Nilai tradisi Melayu ini (yang dinyatakan oleh Za'ba sebagai yang betul) hendaknya janganlah diabaikan. Jagailah khazanah ini dengan cermat dan perasaan sayang dan cinta. Oleh itu, pemakalah mencadangkan supaya bentuk tradisi pantun Melayu dipatuhi atur peraturannya, iaitu dari sudut bahasa pengucapannya, kesopanan ketika mengujarkannya. Gaya bahasa yang harus dipelihara ialah dari sudut rima tengah dan hujung yang sama dan diksi yang sesuai. Maksud sesuai di sini adalah sesuai dari sudut kelogikan makna dan nilai-nilai hidup yang biasa dalam masyarakat kita.

Dari sudut teknikal pula, bilangan suku kata yang diizinkan dan yang biasa ialah lapan hingga dua belas suku kata ialah teknik yang terbaik untuk pantun Melayu diujarkan. Di samping itu, bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu Baku (ketatabahasaannya) dan sebutan berdasarkan fonemik. Selain itu, kesopanan semasa berpantun amat dituntut kerana di sinilah letaknya kesepaduan nilai estetika dan

kesopanan kita yang berbangsa Melayu. Justeru, saya berharap dalamilah ilmu tentang pantun yang terdapat dalam budaya yang murni ini. Semoga dengan penghayatan yang mendalam dan memahami ilmu pantun, kita dapat menggunakan pantun pada masa yang sesuai.

12.8 Seloka

Istilah 'seloka' berasal daripada perkataan Sanskrit *shloka* bermaksud *berseloroh, berjenaka* atau *menyindir.* Seloka dipercayai mula dikenali di alam Melayu semasa perkembangan agama Hindu di Asia Tenggara. Dipercayai bahawa teks *Mahabharata* (100,000 rangkap) dan *Ramayana* (24,000 rangkap) merupakan naskhah terawal yang tertulis dalam bentuk seloka (Harun Mat Piah, 1989, hlm. 334) Sebagai satu bentuk puisi tradisional yang bercorak *karangan berangkap* atau *bahasa berirama*, seloka lebih merupakan *pepatah, bidalan* atau *perumpamaan* yang mengandungi unsur jenaka, gurau senda, olokan, ejekan dan sindiran. Sungguhpun begitu, isi dan mesejnya sarat dengan sindiran yang berguna untuk menjadi pengajaran dan teladan oleh pendengar atau pembaca. Sebahagian besar seloka Melayu ditulis dalam bentuk terikat yakni empat baris serangkap (dikenali juga sebagai pantun seloka), binaannya mirip kepada bentuk pantun atau syair. Ditemui juga seloka yang ditulis dalam bentuk bebas iaitu setiap barisnya menjadi isi puisi berkenaan, seperti *Seloka Pak Kaduk, Seloka Pandai Pak Pandir* dan *Seloka Emak Si Randang* yang digunakan dalam teks Komsas tingkatan 4 & 5.

Ciri dan bentuk

Seloka mempunyai beberapa ciri seperti berikut :

i) Karangan berangkap yang memakai pertentangan bunyi rima hujung yang bebas.

ii) Terbahagi kepada unit pembayang (induk kalimat) dan unit maksud (anak kalimat)

iii) Perkataan sindiran atau ejekan disampaikan dalam bentuk berangkap.

iv) Mengandungi unsur jenaka atau gurau senda

v) Digunakan untuk menyindir sambil mengajar.

Jenis Seloka

Seloka dijeniskan berdasarkan bentuk iaitu seloka berbentuk bebas dan seloka berbentuk terikat.

Contoh seloka bentuk bebas:

Aduhai malang Pak Kaduk
Ayamnya menang kampung tergadai
Ada nasi dicurahkan
Awak pulang kebuluran
Mudik menongkah surut
Hilir menongkah pasang
Ada isteri dibunuh
Nyaris mati oleh tak makan
Masa belayar kematian angin
Sauh dilabuh bayu berpuput
Ada rumah bertandang duduk.
(Anak Laut, hlm. 9*)*

Contoh seloka bentuk terikat (bentuk pantun/ syair):

Buah pinang buah belimbing,
Ketiga dengan si buah mangga;
Sungguh senang berbini sumbing,
Walau marah ketawa juga. (Warisan Puisi Melayu, *hlm. 67*)

Anak agam jual sutera,
Jual di rengat tengah pekan;
Jangan digenggam bagai bara,
Terasa hangat dilepaskan. (Tanah Airku, hlm. 27)

Anak dara dua sepasang,

Pakai baju pakai kerongsang;
Sebiji nangka sebiji pisang,
Belum tahu rezeki musang. (Tanah Airku, hlm. 27)

Puisi Melayu tradisional seperti pantun, syair, gurindam dan seloka adalah pancaran nilai dan pemikiran masyarakat Melayu tradisional. Bentuk dan isi pemikirannya bukan sahaja berguna dalam konteks zamannya malah releven untuk setiap masa, ruang dan latar masyarakat Melayu atau Malaysia hari ini.

Panduan Mencipta Seloka

a) Sebelum pelajar mencipta seloka, harus terlebih dahulu difahami dengan jelas ciri serta bentuk seloka seperti mana dibincangkan pada bahagian awal tulisan ini.

b) Pelajar juga harus memahami dengan jelas fungsi penggunaan seloka terutama konteks masa / suasana, tempat, sasaran pendengar dan mesej yang ingin disampaikan agar sesuai serta pendengar dapat menerimanya secara santai.

c) Pilihlah perkataan, frasa atau ayat yang kedengarannya lembut tapi berbekas di hati dan perasaan. Elakkan dari menggunakan perkataan yang kasar (kata-kata yang dianggap *taboo* serta lucah) kerana ia mungkin akan menimbulkan rasa sensitif yang boleh memudaratkan pencipta atau pengucap.

d) Ada dua bentuk seloka yang boleh dicipta iaitu seloka bentuk terikat (pantun seloka) dan seloka bentuk bebas.

   Mencipta seloka bentuk terikat (pantun seloka)

   Pelajar bolehlah menciptanya (gunakan ciri bentuk) sepertimana mencipta pantun atau syair;

   - empat baris serangkap
   - empat patah perkataan sebaris
   - 8-12 suku kata sebaris
   - skima rima tengah / hujung ab;ab atau aa;aa

- ada pembahagian pembayang dan maksud atau seluruhnya maksud

Contoh :

Seloka bentuk pantun

Apa guna pergi ke pasar
Kalau tidak bawa keranjang
Apa guna berkereta besar
Kalau hutang keliling pinggang

(Dibina dengan baris pembayang dan maksud, skima rima ab;ab, bernada jenaka)

Seloka bentuk syair

Ada seorang anak dara
Pandai melaram pandai bergaya
Tak pandai masak pun tak apa
Nanti kawin Datok kaya

(Dibina seluruhnya maksud, skima rima aa;aa, bernada lucu)

Mencipta seloka bentuk bebas

i) Terlebih dahulu harus difikirkan satu idea utama (tema) untuk dijadikan bahan kritikan / sindiran.

ii) Kemudian fikirkan pula idea-idea sampingan yang boleh menyokong idea utama (persoalan)

iii) Idea utama / idea sampingan berfungsi sebagai induk kalimat

iv) Idea utama dan idea sampingan memerlukan huraian tertentu untuk menjelaskannya. Huraian berkenaan berfungsi sebagai anak kalimat.

v) Tidak ditentukan pada baris manakah letaknya induk kalimat; boleh di awal pertengahan atau akhir rangkap.

vi) Fokuskan perbincangan serta huraian pada aspek sifat dan sikap watak atau situasi cerita yang menjadi subjek sindiran.

vii) Pastikan sindiran, kritikan akhirnya menjurus ke arah mengajar, mendidik atau memberi peringatan kepada pendengar agar tidak melakukan perbuatan tidak elok sepertimana tergambar pada perlakuan watak atau situasi cerita berkenaan.

viii) Pastikan bahasa yang digunakan tetap kedengaran sopan, berlapik serta berkias, sungguhpun terasa berbisa kepada orang yang mungkin melakukannya.

ix) Tidak ada had bagi jumlah kata sebaris atau jumlah baris serangkap. Juga tidak dihadkan jumlah baris yang menjadi induk kalimat dan jumlah baris yang menjadi anak kalimat. Bergantung kepada kesesuaian perlukisan watak atau gambaran situasi.

x) Rima tengah / rima hujungnya juga tidak ditentukan pola (rima bebas), namun seelokknya ada unsur permainan bunyi (asonansi / aliterasi) agar kedengaran indah sewaktu dilafazkan.

Contoh seloka bebas.

Anak Bertuah
Belajar pandai sampai universiti;
Kerja besar gaji besar
Bini cantik kereta antik
Rumah pula tepi bukit
Aku juga sakit-sakit
*Bertuahnya anak aku**

*Bertuahnya anak aku;**
Meeting sana meeting sini
Dalam negeri luar negeri
Kampung laman tak peduli
Ayah sakit ibu mati apa peduli;
Buat duit atas duit
Baju koyak seluar carik
*Bertuah sungguh anak aku.**

(Tidak ditentukan jumlah kata, jumlah baris dan skima rima. Baris 1, 7 dan 14 adalah induk kalimat. Baris-baris lain adalah anak kalimat. Subjek yang difokuskan adalah perwatakan anak yang tidak mengenang jasa ayah dan ibu)

e) Perlu diingatkan bahawa gaya penyampaian idea dan mesej adalah bercorak jenaka - sindiran dengan menggunakan nada lucu – bersahaja.

f) Untuk tujuan itu, pemilihan kata, frasa, ayat mahu pun cara mengungkapkan sindiran harus diteliti dengan penuh hemah dan bijaksana.

g) Sering orang melupakan, bahawa salah satu sifat khusus seloka adalah puisi yang dibina sebagai sampiran untuk merumuskan perwatakan atau situasi (cerita jenaka). Hal ini terlihat pada kisah *Pak Kaduk, Pak Pandir, Lebai Malang, Emak Si Randang;* sifat watak dalam cerita jenaka berkenaan dirumuskan dalam bentuk seloka.

h) Sehubungan itu, sebaiknya seloka dicipta sebagai rumusan watak/ situasi dalam sebuah cerita jenaka. Ini bererti pelajar perlu mencipta sebuah cerita jenaka dengan mengetengahkan seorang watak yang dominan terlebih dahulu sebelum menghasilkan seloka.

i) Hal ini menjelaskan bahawa seloka sebenarnya bukanlah bentuk puisi yang bebas tercipta sendirian, tapi merupakan puisi sisipan untuk sebuah cerita jenaka.

Panduan Melafaz dan Melagukan Seloka

Sama seperti puisi tradisional lain, seloka juga boleh dilafazkan atau pun dilagukan. Namun sebaiknya seloka dilagukan demi memenuhi tuntutan konsep seloka yang bererti puisi lirik yang mengandungi irama atau lagu.

Jika pelajar memilih untuk melafazkan seloka beberapa panduan mudah boleh dipraktiskan.

1) Fahami dan hayati setiap patah perkataan.
2) Cuba praktis membunyikan perkataan berkenaan dengan jelas dan mengikut nada yang sesuai.
3) Gunakan cermin untuk melihat gerak wajah (permainan mata, bibir, mulut, kening) yang bersesuaian dengan kata-kata yang dilafazkan.
4) Timbulkan unsur menyindir dan lucu bila menyebut perkataan atau ayat berkenaan.

5) Hayati patah kata / frasa atau ayat. Rasai nada ucapan kata berkenaan dan lontarkan suara mengikut memik muka lucu menyindir.
6) Pernah seorang professor sastera / puisi memberitahu bahawa cara paling sesuai melafazkan seloka ialah dengan cara menyebut perkataan sambil memuncungkan bibir serta membeliak / menjulingkan mata (seperti mana mimik muka orang yang sedang mengumpat / menyindir). Cubalah!
7) Bila menyebut patah kata, ada kata yang perlu diucapkan dengan laju, keras, nyaring; ada pula yang lembut, lambat dan perlahan. Oleh itu pelbagaikan tekanan suara dan kelajuan patah perkataan.

Jika pelajar memilih untuk melagukan seloka pula, beberapa perkara perlu dipertimbangkan;

1) Nada atau irama yang sesuai adalah irama yang rancak / cepat.
2) Seloka tidak sesuai dialunkan dengan irama perlahan mendayu. Ini kerana, seloka bersifat lucu-menyindir. Hendak menyindir atau mengata orang tidak boleh lambat-lambat (nanti kepala benjol!). Lafazkan cepat-cepat, lepas itu angkat kaki (selamatkan diri!).
3) Mungkin agak sesuai jika iramanya ada unsur irama Hindustan atau pengaruh melodi India, sesuai dengan asal kedatangannya dari peradaban Sanskrit Hindu.
4) Pelajar sebenarnya bebas untuk melagukan seloka mengikut kesesuaian irama dan mesej yang hendak disampaikan (asalkan berirama rancak!).
5) Pelajar boleh mendengar contoh lagu seloka yang dimuatkan dalam *CD Puisi Tradisional* terbitan Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia atau *CD Puisi Tradisional* yang diusahakan oleh Iladam (Budayawan Melaka) yang dikeluarkan oleh Yayasan Kesenian Negeri Melaka atau hubungi Dewan Bahasa dan Pustaka.

TAJUK 13	APRESIASI TEKS SASTERA SEKOLAH RENDAH

13.1 Sinopsis

Topik ini membincangkan struktur, fungsi dan ciri bahasa dalam puisi tradisional seperti pantun, seloka, syair, gurindam, lagu rakyat dan puisi moden juga.

13.2 Hasil pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

i. Memahami konsep, struktur, fungsi dan ciri bahasa dalam puisi tradisional dan puisi moden

ii. Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan elemen puisi dalam pengajaran dan pembelajaran.

iii. Mengaplikasikan aspek puisi moden dan tradisonal dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu/Komsas.

13.3 Syair

Seperti juga pantun, syair ialah karya kreatif lisan genre puisi tradisional. Pada awalnya digunakan secara meluas di nusantara untuk menyebarkan ajaran tasauf (sufi) selain untuk tujuan bercerita.

Istilah syair berasal daripada perkataan Arab shi'r (puisi / sajak) dan sha'ir (penulis puisi / penyajak). Syair mula diperkenalkan oleh Hamzah Fansuri dan berkembang selepas kematiannya pada 1630. Dipercayai bentuk prototaip syair tertulis pada 1380 di batu nesan Minye Tujuh, Acheh.

13.4 Ciri Syair

Syair mempunyai ciri yang berikut:

(i) Empat baris serangkap.

(ii) Jumlah perkataan ialah 3 – 4 perkataan sebaris dengan bilangan suku kata antara 8 – 12.

(iii) Skima rima hujung ialah a,a,a,a dan rima tengah tidak dipentingkan.

(iv) Wujud hentian sebentar (pause) di pertengahan baris dan jeda (caesura) di hujung baris – pertukaran lengguk suara dan melodi.

(v) Keseluruhan baris ialah satu kesatuan idea.

(vi) Syair tidak boleh berdiri sendiri sebagai satu rangkap. Sebaliknya, keseluruhan rangkap ialah satu kesatuan idea.

(vii) Isinya bercorak cerita atau huraian panjang tentang sesuatu subjek. Bahasanya puitis.

(viii) Sesebuah syair ialah satu cerita yang lengkap (mengandungi watak, urutan peristiwa, plot seperti cereka).

13.5 Cara Mendendangkan Syair

Syair boleh didendangkan dengan pelbagai versi lagu atau melodi. Ada teks / naskhah tertentu didendangkan dengan melodi lagu yang khusus. Misalnya:

i) Lagu Selendang Delima (teks syair Selendang Delima)

Lagu syair ini digunakan secara meluas oleh pelajar dan guru di sekolah serta masyarakat umum untuk mendendangkan syair.

ii) Lagu Siti Zubaidah (teks syair Siti Zubaidah)

Lagu ini popular di Pahang dan Terengganu.

iii) Lagu Rakis (teks Syair Rakis – karangan Almarhum Pangeran Shahbandar Pangeran Mohamad Salleh).

Popular di Brunei dan Sarawak.

iv) Lagu Narasi

Popular di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Contoh lagu-lagu yang dinyatakan di atas boleh di dapati di Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

13.6 Panduan Mendendangkan Syair

i) Suara

Suara adalah penting untuk mendendangkan syair. Suara ialah sifat semula jadi. Oleh itu tidak semua orang boleh mendendangkan syair dengan suara yang baik. Namun, dengan latihan yang berterusan, sekurang-kurang dapat membantu pelajar memelodikan syair dengan baik dan berkesan.

ii) Hayati tema

Untuk mendendangkan syair dengan baik dan berkesan, kita perlu menghayati tema. Tema penting dan ada kaitan dengan cara melagukan syair. Selain itu, pelajar harus tahu tentang mod syair tersebut kerana aspek ini juga mempengaruhi bentuk / lagu syair.

iii) Melodi syair

Pada dasarnya melodi syair berbentuk perlahan atau mendayu-dayu. Hal ini demikian kerana mesej syair ialah berkait dengan perasaan yang harus dinikmati melalui penghayatan rasa dan sentuhan kalbu.

iv) Patah kata dan lenggok lagu mengikut baris

Kita perlu memahami dan menghayati setiap patah kata dalam baris. Cara ini penting untuk kita mengujarkan patah kata dengan lenggok yang sesuai yang boleh menimbulkan kesan rasa kepada pendengar.

v) Skema muzik / melodi

Secara umumnya bagi mana-mana puisi tradisional, termasuk syair, muzik katanya ditandai oleh empat bentuk skema rima, iaitu:

- Suara mendatar
- Suara meninggi
- Suara merendah
- Suara beralun

Gabungan skima muzik ini menerbitkan tingkah suara yang mempengaruhi alunan kata dan muzik puisi tradisional. Di sinilah terletaknya keindahan pengucapan atau dendangan puisi berkenaan.

vi) Perhentian pada patah kata

Apabila mendendangkan syair, kita perlu memastikan bahawa kita berhenti atau mematahkan kata pada tempat yang sesuai kerana perhentian ini mempengaruhi makna dan juga kesan emosi pendengar.

Contoh:

Orang berilmu / sukar dicari,
Sehari-hari / memencil diri,
Hanya manikam / kenal jauhari,
Bila bercakap / merendah diri.

Dalam syair di atas, tanda (/) melambangkan tanda perhentian yang sepatutnya kerana perhentian tersebut mengujarkan frasa yang bermakna. Jika bilangan perkataan tidak seimbang, maka kita buat perhentian mengikut bilangan suku kata. Misalnya, perhatikan rangkap sajak yang berikut:

Tersebutlah perkataan / Bidasari, (3 perkataan)
Setelah malam / sudahlah hari, (4 perkataan)
Bangunlah ia / seorang diri, (4 perkataan)
Makan dan minum, / barang yang digemari. (6 perkataan)

13.7 Gurindam

Gurindam sebagai satu bentuk puisi Melayu tradisional seperti mana dikenali sekarang diperkenalkan oleh Raja Ali Haji melalui "Gurindam Dua Belas" yang dikarang pada tahun 1846. Bentuk gurindam adalah terikat, yakni terdiri daripada dua baris serangkap mengandungi tiga hingga enam patah perkataan dengan skima rima a;a. Seuntai gurindam memerlukan beberapa rangkap untuk melengkapkan keseluruhan idea. Bahasanya bernas dan serius. Isinya mengandungi nasihat, pengajaran, kebenaran serta pernyataan perasaan cinta.

13.8 Ciri-ciri Gurindam

Gurindam mempunyai beberapa ciri, seperti berikut:

i) Dua baris serangkap

ii) Empat hingga enam patah perkataan / 8 – 12 suku kata sebaris.

Contoh :

Apabila terpelihara mata,
Sedikit cita-cita.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan. (Kerusi, hlm. 8*)*

iii) Jumlah rangkap dalam seuntai gurindam tidak ditentukan.

iv) Skima rima hujung bercorak serima iaitu a;a.

v) Ada kalanya wujud unsur asonansi dan aliterasi pada perkataan dalam baris.

vi) Rangkapnya terbahagi kepada unit syarat atau induk kalimat (baris pertama) dan jawab atau anak kalimat (baris kedua)

vii) Umumnya mengandungi pernyataan yang serius terutama untuk memberi pengajaran atau menyatakan perasaan cinta.

13.9 Kekeliruan Penggunaan Istilah *Gurindam*

Dalam beberapa teks tradisional, istilah gurindam, syair, pantun dan seloka seringkali diguna pakai oleh tukang cerita atau penyalin teks secara agak bebas.

Hal ini menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat umum, kerana 'nama' puisi yang disebut oleh si tukang cerita atau dicatatkan dalam teks berbeza dengan penjenisan puisi yang dilakukan para sarjana, terutama untuk kajian dan rujukan pelajar serta penyelidik**.** Misalnya:

i) "Maka adapun negeri itu baharu dibuka oleh baginda; adalah seperti *gurindam* orang dahulu kala:"

Awak tua bandar terbuka,
Emas habis, dagangan mudah,
Kerbau kambing sesak di padang,
Itik angsa tenang di kuala,
Merpati lindungan langit,
Rengkiang tujuh sejanjar;
Taman dengan sekerat kota,
Emas perak penuh di rumah,
Tangga rumah emas bertuang,
Ibu tangga emas bertitik,
Batuan sawa mengulur;
Penuh sesak hamba sahaya,
Ada yang empat senama,
Ada yang lima senama,
Dilaung di rumah di tanah menyahut,
Dilaung di tanah di rumah menyahut. (*Hikayat Malim Deman*, hlm. 2)

ii) Setelah dilihat Tun Mamat, segala burung-burung di dalam taman itu pun berbunyi, pelbagai bunyinya; ada yang seperti orang bersiul, ada yang seperti orang berbangsi, ada yang *seperti orang bersyair*, ada yang *seperti orang berseloka,* ada yang *seperti orang bergurindam*.

(Sejarah Melayu, Shellabear, 1975, hlm. 208)

iii) Maka sahut Hang Jebat 'Inilah pekerjaan yang sempurna. Sepala-pala jahat jangan kepalang, seperti *pantun Melayu*

rosak bawang ditimpa jambaknya'. (*Hikayat Hang Tuah*, hal. 356)

iv) "Sebermula, adapun waktu mimpi itu masa saat yang sempurna,"

Tengah malam sudah terlampau,
Dinihari belum lagi tampak,
Budak-budak dua kali jaga,
Orang muda pulang bertandang,
Orang tua berkalih tidur;
Embun jantan rintik-rintik,
Berbunyi kuang jauh ke tengah,
Sering lanting riang di rimba;
Melenguh lembu di padang
Sambut menguak kerbau di kandang,
Berkokok mandung, merak mengigal,
Fajar sidik menyingsing naik,
Kicak- kicau bunyi murai,
Taptibau melambung tinggi,
Berkuku balam di hujung bendul,
Terdenyut puyuh panjang bunyi;
Puntung sejengkal tinggal sejari;
Itulah alamat hari nak siang.

(Hikayat Malim Deman , hal. 4*)*

v) Maka Tuanku Malim Deman pun lalu memanggil Si Kembang Cina seraya berpantun. Demikianlah bunyinya :

(a) Jikalau kulurut padiku ini,
Jikalau kulurut pecah batang;
Jikalau kuturut hatiku ini,
Jikalau kuturut,salah datang.

Setelah didengar oleh Si Kembang Cina akan titah Tuanku Malim Deman itu, diamlah ia

seketika seraya berfikir di dalam hatinya, 'Apalah gerangan sebabnya Tuanku Malim Deman membuat aku seperti yang demikian ini? Tiadalah pernah ia bertitah serta *berpantun seloka* seperti malam ini pula'.

(*Hikayat Malim Deman*, hlm.5)

Hatta bertitah pula Tuanku Malim Deman seraya berpantun demikian bunyinya;

(b) Sepanjang-panjang rambut,
Hujungnya gerak gerayu juga;
Sesayang-sayang disebut,
Kesudahan bercerai pula.(*Hik. Malim Deman*, hlm.9)

Berdasarkan pembahagian bentuk, mengikut kajian ilmiah masa kini,

Puisi **(i)** dikatogarikan sebagai bahasa berirama (*rhythmical verse / rhythmical passage*), talibun atau sesomba. Skima bahasa ini menjadi acuan puisi yang seringkali dimunculkan dalam mana-mana cerita lisan yang memaparkan babak sedemikian (pembukaan negeri baru; gambaran tentang kemakmuran dan keharmonian hidup rakyat jelata).

Sementara puisi **(ii)** memberi petanda bahawa istilah syair, seloka dan gurindam merujuk kepada nyanyian yang berbunyi indah dan merdu.

Bentuk puisi (**iii**), pada masa kini dikenali sebagai peribahasa.

Beberapa teks antologi puisi tradisional dikesan meletakkan puisi **(iv)** sebagai gurindam. Pengkatogarian ini agak kurang tepat dan mengelirukan. Ini kerana si tukang cerita teks berkenaan pun tidak menyatakan puisi tersebut sebagai gurindam. Puisi berkenaan dikatogerikan sebagai bahasa berirama.

Sementara puisi **(v a)** adalah seloka bentuk terikat (juga dikenali sebagai pantun seloka) kerana isinya membawa mesej cinta bernada sindiran.

Bandingkan pula dengan puisi **(v b)** iaitu pantun 4 kerat.

Kecelaruan istilah yang diwujudkan oleh tukang cerita ini dapat difahami, kerana bagi mereka pantun, syair, gurindam dan seloka merujuk kepada keselesaan mengalunkan bahasa secara berirama (dengan / tanpa alat muzik), puitis, mungkin juga bersukat dan berangkap, sehingga membentuk larik puisi yang indah. Maka, terlaksanalah tugas mereka untuk mempesonakan khalayak yang mendengarnya.

Sungguhpun demikian, masalah penjenisan dan penggunaan istilah kebanyakan puisi tradisional masih lagi terbuka untuk perbahasan dan kajian lanjut. Penjenisan awal yang dilakukan oleh Winstedt, A. Teeuw, Taib Osman telah dibahaskan oleh sarjana kemudian seperti Shafie Abu Bakar, Harun Mat Piah, Muhammad Haji Salleh dan masih diteruskan oleh sarjana mutakhir di pusat pengajian tinggi.

Namun, bagi kes istilah gurindam, ada baiknya diguna pakai istilah gurindam untuk merujuk kepada bentuk dan struktur puisi ciptaan Raja Ali Haji, agar tidak mengelirukan pelajar yang mengkaji puisi Melayu tradisional di peringkat sekolah menengah dan masyarakat umum.

13.10 Panduan Menulis Gurindam

a) Ditulis 2 baris serangkap

Orang yang rajin membaca buku (Baris 1)

Banyak ilmu yang ia tahu (Baris 2)

